

TEKS SALINAN

EPIGRAFI ISLAM TERAWAL
DI NUSANTARA .

OLEH

DR. OTHMAN MOHD. YATIM
dan

ABDUL HALIM HASIR

DBP (DERMA CUPA)
1988

KOLEKSI N. A. HALIM

Y
00027/1
HAL

FAK 52

EPIGRAFI ISLAM
TERAWAL DI
NUSANTARA

OLEH

DR. OTHMAN M. YATIM
dan

ABDUL HALIM NASIR.

(1988-9).

DBP.

EPIGRAFI ISLAM TERAWAL DI NUSANTARA

Oleh

DR. OTHMAN MOHD. YATIM

dan

ABDUL HALIM NASIR

KOLEKSI N. A. HALIM

Kandungan

EPIGRAFI ISLAM AWAL DI NUSANTARA

Kata Aluan

Perutusan

Bab 1 PENDAHULUAN

Bab 2 PENGENALAN TULISAN ARAB KE NUSANTARA

Bab 3 SEJARAH KEDATANGAN ISLAM KE NUSANTARA BERDASARKAN BUKTI-BUKTI EPIGRAFI

Bab 4 TABURAN BATU-BATU BERSURAT DI NUSANTARA

1. INDONESIA - ACEH DAN JAWA

ii. MALAYSIA

iii. NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Bab 5 T

Bab 6 P

S:

Bj

In

ia-

terima

juh menggalakkan,

am Banda Aceh.

kami juga tidak lupa

a sumbangan mereka itu.

Ramai kawan-kawan di Muzium Negara dan di DBP telah memberi sumbangan buah fikiran kepada kami semasa penulisan buku ini dibuat. Sdr. Junaidi Abd. Rashid yang telah mengikuti kami ke Aceh dan beberapa tempat di Semenanjung ini dalam rangka tugas pengumpulan bahan-bahan, telah juga membantu kami dalam kerja-kerja membuat ilustrasi dan peta-peta lakar untuk buku ini. Sdr. Mohd Mokhtar dari Muzium Sultan Abu Bakar Pekan, Pahang juga turut memberi sumbangan. Kepada mereka semua kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih.

Akhir sekali kepada keluarga kami yang amat mengerti akan tugas-tugas kami, kami ingin merakamkan penghargaan kami. Buku ini adalah sebagai tanda kasih sayang kami kepada mereka.

Dr. Othman Mohd. Yatim

&

Abdul Halim Nasir

BAB 1

PENDAHULUAN


Tulisan Jawi yang mempunyai berbagai bentuk dan mengandungi pelbagai perutusan adalah bukti kewujudan dan keagongan masyarakat Melayu Nusantara baik dari segi perhubungan mahupun penyampaian ilmu. Semua pengucapan bahasa Melayu dilahirkan pada daun-daun, batu dan juga kertas. Hampir semua bahan-bahan itu kian hari kian pupus ditelan zaman dan juga alam teropika kita ini kecuali beberapa buah batu bersurat atau bertulis yang masih wujud dan bertaburan di Nusantara ini. Usaha-usaha penyelamatan perlu dibuat segera. Penyelamatan yang dimaksudkan ialah dari segi fizikal iaitu untuk membuat duplicate (tiruan) batu-batu berkenaan, penekanan kepada tulisan-tulisannya yang kami istilahkan sebagai epigrafi sebelum luput dan sukar dibaca. Ilustrasi dan peta taburan atau lokasi batu-batu itu juga perlu dibuat. Ianya memang perlu bagi masyarakat, khususnya para penyelidik untuk memudahkan mereka membuat penyelidikan lanjut.

Bahan-bahan tersebut diperlukan tambahan pula bila mengingat bahawa Kuala Lumpur kini menjadi tempat tumpuan pengajian Melayu dunia. Penempatan bahan-bahan tersebut di salah sebuah institusi di Kuala Lumpur secara idealnya akan memudahkan para pengkaji baik dari dalam mahupun luar negeri. Dengan demikian mereka tidak perlu berbelanja besar dan mengorbankan masa yang banyak untuk menjelajah ke dunai Melayu ini untuk mendapatkan bahan-bahan berkaitan dengan tulisan-tulisan Melayu kuno.

Dengan cara yang demikian kita dapat mengekalkan suatu tinggalkan warisan budaya Melayu dan menyekat ianya luput dari hilang ditelan masa. Kehilangannya memang sukar dicari ganti dan satu kerugian yang tidak ternilai kepada bangsa Melayu kerana ianya mencerminkan falsafah, cita rasa hidup dan daya kreativiti masyarakat Melayu silam yang perlu kita pertahankan sebagai lambang masyarakat yang punya peradaban tinggi dan menjadi warisan kebanggaan masyarakat kini.

Tugas penyelamatan warisan kita ini amat berat. Ianya memerlukan perbelanjaan yang besar dan komitmen yang serius dari semua pihak yang terlibat. Tugas ini tambah menghimpit lagi bila mana warisan kita itu kini berada di negara-negara jiran yang terasing oleh batas-batas geografi dan politik. Walau bagaimanapun masalah itu dapat, walaupun tidak sepenuhnya, diatasi melalui hubungan diplomatik dan peribadi para penyelidik di negara-negara yang berkenaan.

Dengan keterbatasan yang demikian apa yang dapat kami lakukan, sebagai langkah permulaannya ialah mengenalpasti warisan-warisan itu dan merakamkannya dalam bentuk fotografi serta mengesan lokasinya, khususnya yang masih terdapat di Aceh. Pemilihan Aceh adalah kerana dipercayai Aceh adalah salah satu daerah pertama di Nusantara ini yang didatangi oleh Islam? Berikutan dari itu pengaruhnya melimpah ke negara-negara jiran termasuk negara kita seperti yang terbukti dengan terjumpanya batu Aceh, sejenis batu nisan Islam yang terawal, dengan jumlah yang agak besar hampir diseluruh tanah air kita ini.



Kami juga tidak melupakan beberapa batu nisan atau batu bertulis berbahasa Melayu kuno yang lain yang telah juga diketemui di Nusantara ini umpamanya di Jawa dan Brunei, khususnya yang mempunyai tarikh awal sedikit dan juga sezaman dengan batu Aceh.

Batu-batu bertulis atau batu-batu nisan yang mempunyai tarikh awal sedikit atau sezaman dengan batu Aceh agak sedikit jumlahnya andainya dibandingkan dengan batu Aceh. Namun begitu ianya tetap penting dari segi pentarikan. Bentuk-bentuknya dalam kebanyakan contoh-contoh adalah bentuk-bentuk biasa atau lebih menepati bentuk stele atau batu peringatan dan dengan hiasan atau dekorasi, kecuali bentuk tulisan yang diukirkan padanya dan makna yang dibawa oleh tulisan-tulisan itu. Lantaran itu kami memberi penekanan yang utama kepada batu Aceh. Kami melihat batu Aceh sebagai sebuah hasil seni ciptaan masyarakat Melayu yang amat tinggi mutunya. Ianya bukan sahaja sebagai bukti sejarah yang terpenting yang membuktikan bahawa di zaman silam rantau ini adalah satu kesatuan yang besar dan didiami oleh satu bangsa yang besar tetapi ianya merupakan rupa dan jiwa masyarakat Melayu Islam di zaman yang diperkatakan iaitu dalam abad 13 hingga 17 masihi.

Kami memulakan perbincangan dalam buku ini dengan menyorot kembali jenis-jenis tulisan yang wujud di Nusantara ini sebelum pengenalan tulisan Jawi, kenapa tulisan itu diperlukan dan apakah tulisan yang ditinggalkan setelah tulisan itu menjadi sebahagian dari budaya Melayu. Kami mengesan batu-batu bersurat, khususnya batu-batu Islam yang terawal dimana tulisan-tulisan itu telah digunakan sebagai media untuk merekod peristiwa (khususnya kematian) dan menyampai-

kan perutusan-perutusan yang menyangkut falsafah yang didokong oleh sebahagian dari anggota masyarakat ketika itu.

Kami mempunyai tanggapan bahawa tulisan yang terdapat pada batu-batu bertulis yang awal ini adalah rakaman peristiwa-peristiwa dan mengandungi pelbagai jenis perutusan. Ini adalah hasil dari analisis sejumlah besar batu-batu tersebut yang sempat kami selidik sejak tahun 1974 yang terdapat hampir diseluruh pelusuk rantau Malaysia, Pattani, Brunei dan Aceh.

Sebagai penyelidik kami amat menyedari betapa pentingnya warisan-warisan itu dikekalkan dan dipelihara untuk generasi yang akan datang. Tetapi sayangnya dalam kenyataannya warisan-warisan itu kian hari kian berkurangan jumlahnya atau pupus. Ianya menjadi mangsa pembangunan material, alam persekitaran yang mencabar, percubaan setengah-setengah negara jiran yang sengaja mahu menghapuskan warisan-warisan yang berunsur Islam. Tambah menyedihkan lagi ialah warisan itu telah dihapuskan lantaran kejahilan setengah-setengah anggota masyarakat di negara-negara Nusantara ini, tentang kepentingan warisan itu. Dengan berbuat demikian kita telah mencabut akar-akar yang kita cari selama ini khususnya dalam memperkatakan kewujudan, kemajuan dan ketuanan bangsa Melayu di rantau yang dulunya kita kenali sebagai dunia Melayu ini.

PENGENALAN TULISAN ARAB DI NUSANTARA

Bukti-bukti samaada dalam bentuk catatan bertulis mahupun artifek-artifek menunjukkan bahawa bahasa Melayu telah menggunakan dua jenis tulisan India sebelum tulisan Arab diperkenalkan di rantau ini. Tulisan-tulisan tersebut ialah tulisan Pallava (Sanskrit) yang diubahsuai oleh orang Jawa ke huruf Jawi serta Nagari. Huruf ini telah diperkenalkan oleh orang-orang Pala dari Bengal pada kira-kira kurun kelapan masihi.

Di antara sumbangan terbesar Islam terhadap masyarakat di Nusantara ialah kesannya terhadap perkembangan bahasa Melayu. Dengan kedatangan agama Islam dan kesan pengaruhnya ke atas sosio-budaya masyarakat dan sistem kesultanan Melayu, huruf Arab dan Jawi diperkenalkan dan digunakan oleh orang-orang Melayu sebagai bahasa perantara untuk menulis dalam bahasa Melayu. Syed Muhammad Naquib Al-Attas berpendapat bahawa kesan dari pengaruh Islam, bahasa Melayu mengalami banyak perubahan dan perkembangan disebabkan oleh penyerapan banyak perkataan Arab dan Parsi. Sebelum ini, bahasa Melayu telah memperolehi taraf bahasa kesusasteraan dan keagamaan serta menjadi media bagi pengemangan agama serta lingua franca, menggantikan penggunaan bahasa Jawa yang telah lama bertapak di Nusantara ini.



Batu-batu bersurat sebelum dan sezaman dengan Batu Aceh

Tulisan Arab telah wujud di Kepulauan Melayu - Indonesia* sebelum penduduk tempatan memeluk agama Islam mulai kurun ketiga belas. Tulisan-tulisan tersebut boleh didapati di monumen-monumen, termasuk batu-batu nisan di tempat-tempat yang telah dilawati dan/atau didiami oleh keluarga pedagang-pedagang serta ulama Arab/Parsi. Monumen-monumen ini boleh didapati disepanjang laluan perdagangan Arab di kepulauan ini sehingga ke negeri China.

Sejarawan dan ahli ilmu alam Arab telah membuat beberapa rujukan terhadap kewujudan laluan perkapalan dari negara Arab ke China, khususnya Canton (yang mereka sebut sebagai Zaitun) di pertengahan kurun ke 8 dan 9 Masihi, termasuk tempat-tempat perhentian di beberapa pelabuhan di Kepulauan Melayu-Indonesia. Penemuan beberapa monumen bertulis disepanjang laluan ini menguatkan lagi pendapat tersebut.

Dua buah batu bersurat sebelum kurun ke 11 Masihi telah ditemui di Wilayah Phan-rang, Selatan Champa, "di kawasan yang pernah dimiliki oleh orang-orang Cham iaitu satu masyarakat kuno berbangsa Malayo-Polynesia, kebanyakannya beragama Islam, mengamalkan sistem saka dan mempunyai hubungan rapat dari segi etnologi, bahasa, kebudayaan serta sejarah dengan orang-orang Melayu di Semenanjung dan di kepulauan ini".

* Istilah Kepulauan Melayu-Indonesia, Nusantara, Dunia Melayu dan Asia Tenggara sering digunakan secara bertukar-ganti didalam buku ini. Ianya mempunyai pengertian yang sama. Kawasan geografi yang terangkum dalam istilah ini ialah Malaysia, Indonesia, Selatan Thailand, Brunei Darussalam dan Selatan Filipina kini. Penggunaannya ialah untuk mengelakan dari jemu kerana pengulangan perkataan yang sama.

Monumen pertama ialah sebuah batu nisan dengan tulisan Arab bentuk Kufi bertarikh 1039 Masihi. Batu nisan ini terdapat di atas kubur "Ahmad, anak Abu Ibrahim, anak Abu 'Arradah, yang Rahdar, nama samaran Abu Kamil, yang meninggal dunia pada malam Khamis, 29hb Safar tahun empat ratus tiga puluh satu" (1039 Masihi). Yang kedua ialah "sebuah monumen yang telah agak rosak yang dipercayai bekas sebuah tiang tanda bertulis dengan ungkapan-ungkapan perundangan berkaitan dengan pembayaran cukai, hutang dan sebagainya". Batu bertulis pertama (batu nisan) tadi terpahat dengan tulisan khat yang cantik berbeza dengan tulisan yang kedapatan pada batu kedua. S.Q Fatimi berpendapat bahawa tulisan Kufi pada batu-batu nisan tersebut menunjukkan hasil pembuatan yang tinggi mutunya berbanding dengan tulisan Jawi kasar pada batu kedua. Lavoisise yang disebut oleh Fatimi telah menganalisis kedua-dua tulisan tersebut dan beliau telah memberi tarikh di antara tahun 1025 dan 1035 Masihi. Daripada tulisan pada batu nisan ini, Fatimi telah membuat kesimpulan bahawa Abu Kamil "ialah seorang Shiah".

Di Negara Brunei Darussalam sebuah batu nisan berukir dengan nama dan tarikh kematian telah ditemui di sebuah perkuburan berhampiran Jalan Sidensi, di Bandar Seri Begawan. Ia menandakan kubur seorang wanita bernama Makhdarah (Rogayah) yang meninggal dunia dalam tahun 440 Hijrah (1048 Masihi). Namun begitu siapakah wanita itu dan apakah kepentingan kepada sejarah Brunei, masih belum dapat dipastikan.

Sebuah lagi monumen bertulis telah ditemui di Leran, berhampiran Labaya di Jawa Timur iaitu sebuah batu nisan seorang wanita Islam bernama Fatimah, bertarikh bersamaan dengan 1082 Masihi yang diukir dengan tulisan Kufi. Pada bahagian belakang batu nisan tersebut tertulis satu

petikan ayat dari al-Quran (55:26-27). Petikan ini mengandungi unsur-unsur Sufi. S.Q. Fatimi menggunakan nama dan tarikh pada batu nisan Leran ini sebagai bukti bahawa sejumlah besar orang-orang Islam telah membuat penempatan di kawasan tersebut, oleh kerana seperti yang diketahui umum bahawa pedagang-pedagang awal Islam tidak pernah ditemani oleh keluarga mereka semasa pelayaran yang memakan masa yang agak lama. Jika pedagang-pedagang ini berada ^{di} satu tempat pada satu jangkamasa yang lama, mereka akan mengahwini wanita-wanita tempatan setelah mengislamkan mereka.

Apakah kepentingan batu-batu bertarikh ini kepada pengislaman Kepulauan Melayu-Indonesia? S.Q. Fatimi berpendapat bahawa "monumen-monumen awal tidak diberikan perhatian yang sepatutnya jika dibandingkan dengan keutamaan yang telah diberikan kepada batu nisan Malik as-Salih, yang lebih lewat dua ratus tahun daripadanya." Beliau membuat kesimpulan bahawa "salah satu sebab keutamaan ini ialah agama Islam sering di kaitkan dengan Empayar Islam. Keutamaan ini juga telah menyebabkan pergerakan Islam di Semenanjung India dan perkembangannya di negeri China kurang diberi perhatian. Islam di Malaysia telah juga diabaikan oleh kerana ia tidak berjaya membentuk sebuah Empayar besar seperti Umayyah, Abbasiah atau pemerintahan Khalifah Fatimiah atau Empayar Moghul".

Seperti yang diutarakan oleh S.Q. Fatimi, nama-nama yang tersebut di atas tadi menunjukkan bahawa mereka bukanlah terdiri daripada penduduk tempatan. Oleh itu, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa sebelum akhir kurun ke 13 Masihi penduduk tempatan belum berminat untuk memeluk agama Islam secara beramai-ramai, jika tidak, pada perhitungan kami, sudah tentu terdapat banyak batu nisan penduduk tempatan yang bertulisan Kufi.

Batu Aceh dan Monumen-monumen Semasa

Batu nisan pertama yang mempunyai tarikh kepunyaan seorang pemerintah Islam tempatan telah ditemui di Pasai iaitu di makam Sultan Malik as-Salih, yang mangkat pada tahun 1297 Masihi. Di batu nisan dari jenis yang kami gelar batu Aceh itu terdapat ukiran nama Almarhum serta tarikh kemangkatan baginda. Terukir juga sepotong ayat yang dipetik dari Al-Quran (50: 22-24) dan sebuah puisi Sufi.

Walaupun tulisan Arab telah mula diterima oleh penduduk tempatan dan diukir pada batu-batu nisan, tetapi di tempat-tempat di mana pengaruh Islam kurang diberi penekanan, batu-batu nisan masih diukirkan dengan tulisan Sanskrit atau Kawi secara berleluasa, seperti pada batu-batu nisan yang telah dijumpai di Sumatra dan Jawa.

Di daerah-daerah di mana agama Islam mula meninggalkan kesan ke atas penduduk tempatan, tulisan-tulisan yang telah ditemui adalah dalam bentuk campuran diantara bahasa Sanskrit atau Kawi atau Jawi dengan Arab. Batu bersurat Trengganu adalah contoh terbaik dari golongan ini. Batu bersurat Trengganu bertarikh 702 Hijrah (1303 Masihi). Dalam banyak segi, batu ini menyerupai batu yang ditemui di wilayah Phan-rang kecuali batu bersurat Trengganu yang bertarikh lebih awal sedikit. Berdasarkan pada persamaan, khususnya pada jenis tulisan, S.Q. Fatimi mengesan asal usul Champa pada batu bersurat Trengganu. Beliau menulis "Orang-orang Malaysia cuba meniru cara penulisan orang Champa apabila tinggal bersama mereka."

Tulisan pada batu bersurat Trengganu telah dianggap oleh Russel Jones sebagai "tulisan Islam berbahasa Melayu yang pertama" dijumpai di Kepulauan Melayu - Indonesia. Walaubagaimana pun M.B. Hooker berpendapat bahawa tulisan pada batu bersurat Trengganu "ditulis dalam bahasa Melayu (tulisan Arab) dan mengandungi satu jadual pendek terdiri daripada sepuluh undang-undang, sesiapa yang melanggarnya akan didenda kandungan undang-undang tersebut bukannya undang-undang Islam tetapi Melayu/Jawa tempatan bahasa yang digunakan sebahagian besarnya adalah terdiri daripada istilah Jawa dan Sanskrit."

Satu lagi contoh campuran tulisan Sanskrit dan Arab telah ditemui di sebuah makam di Negara Brunei Darussalam. Pada salah satu permukaan batu nisan itu diukir dengan huruf Arab dan di sebelah lagi ialah dalam huruf Sanskrit. Tulisan Arab berbunyi "Sulaiman bin Abdul Rahman bin Abdullah Nurullah Wafat Tahun 821 Hegira" (1418/1419 Masihi)".

Di Kepulauan Melayu, satu campuran tulisan Arab dan Kawi telah ditemui pada sebuah batu nisan di Pengkalan Kempas. Casparis berpendapat bahawa tulisan Jawi tersebut bertarikh 872 Hegira (ditulis dengan lengkap sebagai lapan ratus tujuh puluh dua tahun) semasa pemerintahan Sultan Mansor Shah. Tahun itu bersamaan dengan 1467/1468 Masihi dan jatuh dalam masa pemerintahan Sultan Mansor Shah (1459-1477).

Tarikh itu adalah sama dengan tarikh yang terukir pada batu Aceh pertama yang ditemui di Semenanjung Malaysia iaitu di batu nisan Sultan Muhammad Shah I, Pahang yang mangkat pada tahun 1475 Masihi.

Tulisan-tulisan pada batu nisan Pengkalan Kempas adalah sezaman dengan jenis nisan yang kami panggil batu Aceh tadi. Kedua-duanya menunjukkan campuran Sanskrit atau Kawi dan Arab. Kandungan tulisan-tulisan itu juga adalah sama iaitu sama-sama memberikan nama, tarikh kematian dan mempunyai satu cogankata berunsur ugama.

Sebagai kesimpulannya dapat dikatakan tulisan Jawi/Arab yang diukirkan pada batu-batu bersurat yang masih terdapat di Nusantara ini adalah satu warisan yang amat penting kepada generasi kita kini. Ianya bukan sahaja sebuah hasil seni yang amat menarik malahan sekaligus ia melambangkan ketinggian daya kreativiti datok nenek kita di zaman lampau. Ianya juga seperti yang akan dihuraikan dalam Bab yang berikut ini menjadi bukti awal yang masih wujud yang boleh dikaitkan dengan kedatangan Islam ke rantau ini.

BAB 3

SEJARAH KEDATANGAN ISLAM KE NUSANTARA BERDASARKAN BUKTI-BUKTI EPIGRAFI

Sejak dua abad sebelum masihi, daerah Kepulauan Melayu atau yang sekarang ini lebih dikenali sebagai Nusantara, sudah tercatat dalam sebuah peta dunia pada masa itu. Ianya tidak lain dari peta dunia yang disusun oleh Cladius Ptolemeaus, seorang Gabnor Seuluueida yang berkedudukan di Iskandariah, Mesir.

Peta yang berjudul "Geograhyke" itu ada mencatatkan nama sebuah tempat yang disebut "Barosai", yang terletak di pantai sebelah barat pulau Sumatra. Barosai yang dicatatkan oleh Cladius Ptolemeaus dalam peta itu tidak lain dari Barus yang sekarang ini terletak Kota Barus, di Tapanuli Utara, Sumatra Utara (Hasan Muarif Ambary, t.t., : 62).

Barus memanglah terkenal kepada pedagang-pedagang luar sejak beberapa abad yang lampau, terutama sekali pedagang-pedagang dari tanah Arab, Parsi, India dan China kerana tempat tersebut merupakan pelabuhan besar dan lebih-lebih lagi disekitar pelabuhan itu terdapat tempat pengeluaran kapur barus yang menjadi barang dagangan yang sangat penting pada masa itu. Nama Barosai yang dicatatkan dalam peta kuno itu juga memang berasal dari perkataan Barus, pelabuhan yang terletak di pantai barat pulau Sumatra yang kemungkinannya sebahagian besar para pedagang pada waktu itu sudahpun hafal nama tersebut.

Sejak lahir agama Islam di gurun tandus semenanjung tanah Arab (kini Saudi Arabia) dalam abad ketujuh masihi, agama itu dengan cepat telah berkembang keseluruh penjuru dunia. Hal ini menjadi suatu perkara yang sangat menakjubkan dan agak luar biasa dalam sejarah umat manusia. Kira-kira suku abad selepas lahir agama itu ia telah tersebar luas sehingga menjangkau keluar dari daerah Arab dan sekitarnya.

Sewaktu Islam berkembang pada abad pertama hijrah (abad ke 7 masihi) Nabi Muhammad S.A.W. telah mengutus seorang yang bernama Saad Abi Waqqas atau Wahab bin Qabha (Kabayah) ke Negeri China, dengan tujuan memperkenalkan agama tersebut disana. Rupa-rupanya dengan perintahnya utusan Rasulullah itu, agama Islam terus diterima oleh sebahagian penduduk China pada abad itu juga. Syed ^{Muhammad} Naquib al-Attas dalam bukunya yang berjudul: Preliminary Statement on the General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesia Archipelago, berpendapat bahawa orang-orang Islam yang berpindah dari Canton pada abad pertama hijrah (abad ke 7 masihi) telah belayar ke selatan menuju ke Kepulauan Nusantara. Tempat yang mereka tuju ialah Palembang dan juga Kedah. Jadi berdasarkan pendapat Syed Naquib al-Attas ini kita bolehlah membuat kesimpulan bahawa Palembang dan juga Kedah yang terletak di Kepulauan Nusantara ini sudah ada penduduk yang beragama Islam. Berkemungkinan sekali mereka itu terdiri ^{dari} pedagang-pedagang China Islam ataupun setika ^{lak} -tidaknya oleh beranggapan yang mereka juga mempunyai niat yang suci untuk mengembangkan agama Islam yang mereka anuti itu kepada penduduk setempat yang masih mengamalkan kepercayaan animisme. Mereka mempunyai asas kebudayaan/agama Hindu/Buddha sehingga ke abad kesebelas, sebahagian besar terpengaruh dengan beberapa buah kepercayaan Hindu, namun kerajaan-kerajaan tersebut memelihara semua penganut agama.

h Qadi Syarif



Ini dibuktikan dengan wujudnya kelompok-kelompok masyarakat Islam dalam zaman kerajaan Majapahit di Jawa (Trowulan) pada abad ke 14, dimana mereka sebagai orang Islam bebas mengerjakan amal ibadat serta mengamalkan cara hidup secara Islam.

Dalam sejarah Dinasti Yuan ada menyebut dua orang utusan dari kerajaan Samudera^{yang} telah berkunjung ke negeri China. Mereka itu masing-masing bernama Hasan dan Sulaiman. Utusan itu telah berjaya mengadap Maharaja China. Kunjungan utusan tersebut telah dibuat dalam tahun 1282 *Masihi*. Jika catatan pengembaraan Marco Polo yang pernah melawat Samudera/Pasai boleh dijadikan bukti tidak syak lagi bahawa pada tarikh itu kerajaan Samudera/Pasai adalah merupakan sebuah kerajaan Islam dibawah pemerintahan Sultan Malik al-Salih, iaitu Sultan Samudera/Pasai yang mangkat pada tahun 1297 *Masihi*. Marco Polo juga ada mencatatkan serba ringkas mengenai pemerintahan Sultan Islam tersebut di dalam buku catatan pelayarannya.

Dalam tahun 1345/6 *Masihi*, seorang pengembara Arab bernama Ibn Batuttah dalam pelayaran^{nya} ke negeri China telah singgah di Pasai yang dipanggilnya Jazirah al-Jawah. Beliau ada menyebut nama seorang raja Islam yang bernama Malik al-Thahir (Muhammad al-Malik al-Thahir) iaitu cucu kepada Malik al-Salih.

Ibn Batuttah menerangkan bahawa Sultan Malik al-Thahir ialah seorang raja yang sangat alim, gemar kepada ilmu pengetahuan Islam, dan baginda juga mempunyai beberapa orang alim ulamak yang memberi nasihat atas urusan pentadbiran kerajaan supaya tidak bercanggah dengan kehendak agama Islam. Diantara alim ulamak atau cerdik pandai itu ialah Qadi Syarif Amir Sayyid dari Shiraz dan Tajal Din dari Isfahan.

Sungguhpun ada pendapat-pendapat atau teori yang menganggap bahwa agama Islam sudah sampai dan dianuti oleh kelompok-kelompok masyarakat tempatan di Nusantara ini sejak abad pertama hijrah (abad ke 7 Masihi), namun belum ada bukti yang konkrit yang boleh menyokong pendapat-pendapat dan teori tersebut, sama ada disokong oleh catatan-catatan pengembara ataupun melalui bukti-bukti epigrafi, sama ada dalam bentuk batu-batu bersurat ataupun batu-batu nisan yang mempunyai catatan dan bertarikh.

Kita bolehlah menentukan had atau sempadan bahawa abad ke 7 hijrah (13 Masihi) adalah merupakan titik awal adanya institusi kerajaan yang bercorak Islam di Nusantara ini. Kerajaan yang dimaksudkan itu tidak lain dari kerajaan Islam Samudera/Pasai. Seperti yang dinyatakan diatas tadi pendiri kerajaan Islam yang pertama itu ialah Sultan Malik al-Salih. Nisan yang terdapat di makamnya mencatatkan tarikh mangkatnya pada tahun hijrah 696 (1297 Masihi). Makam itu terletak di Kampung Muenasah Beringin, Gedong, Lhoksuemawe, Aceh yang dulunya merupakan pusat kerajaan Samudera/Pasai.

Penemuan beberapa buah batu bertulis disepanjang jalan laut dari pantai Indo-China ke Trengganu mendorong beberapa orang sarjana mengemukakan pendapat yang menyatakan bahawa agama Islam yang tersebar ke Nusantara ini kemungkinannya bermula dari arah selatan negeri China. Pendapat ini adalah berdasarkan dari batu bersurat di Phang-rang (Vietnam Selatan) yang bertarikh pada tahun 416/431 Hijrah (1025/1039 Masihi). Setelah itu agama Islam dibawa oleh pedagang-pedagang atau saudagar-saudagar yang juga sebagai pendakwah ke arah selatan, setelah mengharungi laut luas iaitu Laut China Selatan, mereka singgah di Brunei.

Sebagai memperkuat lagi pendapat ini, di Brunei sendiri telah dijumpai sebuah batu nisan yang bertarikh tahun Hijrah 440 atau bersamaan tahun masihi 1048. Pada batu nisan itu tercatat dengan nama seorang wanita yang bernama Makdarah dan bahagian bawahnya tertulis "Sultan Abdul Majid Ibn Muhammad Syah al-Sultan".

Menurut tradisi dalam salasilah kesultanan Brunei, bahawa Sultan Brunei yang pertama beragama Islam ialah Sultan Muhammad ^{yang} naik takhta kerajaan pada akhir abad ke 14. Sebelum memeluk agama Islam baginda dikenali dengan nama Awang Alak Betatar. Kronikal Sung Lien ada menyebut mengenai seorang raja dari PO-NI (Brunei) yang bernama Ma-Ho-Ma Syah. Sebutan itu hampir sekali dengan nama Muhammad Syah.

Selain daripada batu nisan yang bertarikh 440 Hijrah itu ada beberapa perkuburan yang lain lagi di Negara Brunei Darussalam yang berusia tua yang perlu diselidiki dengan lebih mendalam lagi, umpamanya di kompleks perkuburan Islam Rongas yang terletak di pinggir Bandar Seri Begawan. Disitu telah dijumpai pula sebuah batu nisan bertulisan China, bertarikh 1264 Masihi. Di batu nisan itu juga tercatat nama Tuan Pu. Menurut kajian-kajian yang dibuat oleh para penyelidik sejarah Brunei, seperti Saudara Haji Abdul Latif Ibrahim, dari Pusat Sejarah Brunei, Saudara Awang Matasim Haji Jibah dan Saudara Haji ^{Matusin} ~~Mat Yassin~~ Omar dari Muzium Brunei adalah dipercayai bahawa kedua-dua batu nisan tersebut adalah merupakan artifek-artifek yang tertua ditemui dalam sejarah kesultanan raja-raja Islam di Brunei khususnya dan di Nusantara amnya.

✓
13/1/89

Selain daripada dua buah batu nisan tersebut yang tarikhnya lebih awal dari tarikh batu bersurat Trengganu. Di Negara Brunei Darussalam terdapat beberapa buah lagi perkuburan-perkuburan Islam yang berusia sangat tua seperti perkuburan Kampung Limbungan, pinggir bandar Seri Begawan yang bertarikh pada tahun Hijrah 848 (1444 M), dan sebuah lagi yang bertarikh tahun Hijrah 821 (1418 M), makam Sulaiman bin Abdul Rahman di Bukit Tanjung, bertarikh tahun Hijrah 821 (1418 M) dan beberapa buah makam lagi.

Di Kampung Permatang Pasir, Pekan, Pahang telah ditemui sebuah makam yang bertarikh tahun Hijrah 419 (1028 M), tarikh ini juga tidak jauh bezanya dengan tarikh batu nisan di Brunei (1048 M). Di Jawa pula telah ada sebuah batu nisan tua bertarikh pada tahun hijrah ~~419~~ 493 (1082 M). Ianya dikenali sebagai makam Fatimah binti Maimun. Ianya terletak di Leran berhampiran Gresik. Ianya juga memperlihatkan dengan jelas bahawa agama Islam telah mula bertapak di setengah-setengah tempat di Nusantara ini sejak awal kurun ke 11 lagi iaitu satu jangka masa yang hampir tiga ratus tahun terdahulu dari tarikh batu bersurat Trengganu yang dianggap sebagai bukti terawal mengenai kedatangan Islam ke Malaysia.

BAB 4

TABURAN BATU-BATU BERSURAT DI NUSANTARA

Epigrafi Islam di Indonesia - Aceh dan Jawa

Untuk mendapatkan bukti-bukti yang lebih nyata dan jelas bagaimana dan bila agama Islam sampai ke Nusantara ini, adalah lebih menfaatka kita mengalih perhatian terhadap satu bentuk peninggalan sejarah yang dapat membantu ke arah penulisan semula sejarah kedatangan Islam di Nusantara ini, peninggalan bahan sejarah yang dimaksudkan ini ialah peninggalan epigrafi Islam, sama ada dalam bentuk batu bersurat atau batu nisan yang dipasangkan di perkuburan-perkuburan atau makam-makam orang Islam. Memang tidak boleh dinafikan bahawa bukti penulisan sejarah Islam di Nusantara ini sebahagian besarnya berdasarkan apa yang bersurat dan tersirat pada beberapa buah batu berukir berusia tua yang telah dijumpai, umpamanya batu bersurat Trengganu dan batu nisan Malik al-Salih (sultan Nusantara pertama yang memeluk Islam) dan sebagainya.

Kedatangan Islam ke Nusantara jika berdasarkan ke atas penekanan pada epigrafi kita akan bersua dengan penyelidikan dan penelitian yang sangat menarik iaitu banyak sekali peninggalan-peninggalan bukti epigrafi yang terdapat bertaburan dimerata-rata tempat di Nusantara ini. Ianya dapat membantu ke arah disiplin penyelidikan itu.

Ada baiknya dan lebih bermanfaat lagi jika kita senaraikan disini batu-batu bersurat yang telah dijumpai di beberapa tempat di seluruh Nusantara ini. Jumpaan-jumpaan bukti epigrafi yang berusia tua itu dapat memperjelaskan lagi bahawa daerah-daerah jumpaan itu seperti mana yang akan disebutkan nanti adalah merupakan daerah pertama jejaknya dan bertapaknya agama Islam. Dari daerah-daerah itulah kemudiannya agama Islam terus berkembang ke seluruh Nusantara, sama ada melalui peranan yang dimainkan oleh pendakwah-pendakwah, mubaligh-mubaligh atau pun oleh dasar pemerintahan tradisi yang berlandaskan peraturan agama Islam.

Di hujung sebelah barat Nusantara, menganjur sebuah pulau yang besar, disebut pulau Sumatra atau dulunya juga disebut Pulau Perca, bahagian sebelah utara pulau itu terdapat sebuah daerah yang sekarang di dikenali sebagai Provinsi Wilayah Istimewa Aceh, ke selatan sedikit ialah Provinsi Sumatra Utara. Kedua-dua daerah ini sering dikaitkan dengan kedatangan Islam ke Nusantara. Secara umumnya ramai sarjana berpendapat bahawa Islam datang dari tanah Arab, sama ada secara langsung dari tanah Arab melalui Parsi ataupun Gujarat. Penyebar/pengembang agama itu (peniaga, mubaligh, ahli Sufi?) akan singgah terlebih dulu di hujung utara Pulau Sumatra itu, iaitu Aceh dalam perjalanan pergi-balik dalam menjalankan perniagaan laut Timur-Barat. Semasa menunggu peralihan angin malam disebarkan. Dari situ barulah sedikit demi sedikit Islam disebarkan ke tempat lain di seluruh Nusantara ini. Lantaran itulah ramai kaum pedagang di rantau ini di zaman ^{dahulu} ~~dulu~~ menggelarkan daerah Aceh itu sebagai Harambi Mekah, mereka mengibaratkan Aceh itu sebagai tempat pertama di-singgahi sama ^{semasa} ~~ada~~ pulang atau hendak ke Mekah.

Sebelum wujudnya kerajaan Islam Samudera/Pasai yang dipelupuri oleh Sultan Islam pertamanya Sultan Malik al-Salih (meninggal 1297 Masihi), menurut sejarah Aceh, sudah ada sebuah kerajaan Islam yang bersultan, iaitu Kesultanan Aceh awal, pemerintah pertamanya ialah Sultan Johan Syah yang memerintah mulai kira-kira pada tahun 1205 Masihi. Makam Sultan Johan Syah dan beberapa buah makam Sultan-sultan Aceh selepasnya semuanya terdapat pada masa ini di Kompleks Kandang Aceh di Kampung Pande (pandai), Kota **M**adya Aceh. Kesahihan makam itu masih boleh dipertikaikan kerana kesemua batu-batu nisan yang terdapat di Kompleks makam tersebut tidak mencatatkan sebarang tarikh. Padanya terukir tulisan-tulisan khat dan juga ukiran-ukiran yang begitu indah. Walau bagaimana pun nisan-nisan yang dikatakan menandakan makam kesultanan Aceh tua itu mempunyai bentuk yang agak luar biasa, berdasarkan bentuk dan jenis khat dan ukirannya, nisan-nisan tersebut mungkin lebih tua umurnya dari sebarang batu nisan Aceh dan jauh lebih tua dari nisan Aceh yang dipasangkan pada makam Malik al-Salih di Pasai. Nisan-nisan pada makam kesultanan Aceh di Kampung Pande itu lebih mirip kepada bentuk sebuah stupa candi, atau pun bentuk gading. Ini membolehkan kita membuat andaian bahawa bentuk yang sedemikian itu adalah satu proses peralihan dari satu budaya tradisi dengan pengaruh Hindu/Buddha kepada budaya Islam yang baru muncul. Idea yang semacam ini berlaku dimana-mana juga dalam cara hidup manusia yang sentiasa terdedah dan terpengaruh dengan unsur-unsur luar dan digabungkan dengan unsur-unsur yang sedia ada.

Disekitar Wilayah Aceh kita dapati banyak sekali makam-makam yang batu nisannya bertulis, terutama sekali makam-makam lama yang terdapat sepanjang perjalanan jalan raya dari **K**ota **M**adya Aceh ke Pantai Tanjung Batu, tetapi sayang sekali hampir kesemuanya tidak

di-
dipelihara dengan baik, bahkan banyak diantaranya yang sudah rosak, sama ada patah atau terbenam di dalam tanah. Sebahagiannya pula mempunyai tulisan khat yang sangat indah yang belum pernah dibuat penyelidikan dan penelitian secara serius. Kita tidak boleh menolak kemungkinan bahawa diantara nisan-nisan yang sungguh banyak itu ada diantaranya yang mempunyai tarikh yang awal, yang dapat membuktikan bahawa Islam sudahpun sampai ke Aceh pada abad-abad pertama Hijrah lagi sepertimana yang didakwa oleh setengah-setengah sarjana.

Batu-batu bersurat, khususnya batu-batu nisan yang berusia tua yang telah ditemui di daerah Aceh, kebanyakannya terdapat di Lhoksuemawe iaitu ke arah tenggara Banda Aceh. Di situlah letaknya tapak kerajaan Samudera/Pasai. Lokasi kerajaan tersebut terletak di tempat yang sekarang ini disebut sebagai Geudong (Gedong). Disini telah diketemukan beberapa buah makam, diantaranya yang tertua ialah Makam Malik al-Salih, Makam Malik al-Thahir (1326M), Makam Ratu al-Ala binti Sultan Malik al-Thahir (1389M), Makam Maulana Abdullah Ibnu Muhammad Ibnu Abdul Kadir kaum Abas al-Muqtasir di Kota Karang (1407M), Makam Maulana Abdul Rahman al-Farsi di Kompleks Teunku di Iboih (1413M), Makam Yaakub di Perkuburan Blang Peuria (1428M), Makam Ratu Nahrisyah (Puteri Pasai) Kampung Maunasah Minye Tujuh, Aceh Utara (1428M) dan Makam Naina Hisamuddin bin Naina Amin di Kompleks Teunku di Iboih.

Nisan Ratu al-Ala agak luar biasa, kerana mempunyai dua tulisan yang berlainan, iaitu tulisan Jawa kuno dan Arab. Prof. Dr. Hoesein Djajadiningrat yang telah membaca tulisan Arab di batu nisan tersebut percaya bahawa nukilan bahasa Arab itu berbunyi :

"Matn al-malikhah al-mu'azzamah alalah (al-alah) binti as-sultan ala marhum malik al zahir kha (?) al athar (?) ibn Walidihi khan (?) al khanat (?) taghammadahu'L-Lahu (bi'r ridhwan fi'r-rabi' 'ashar yaum al-jumaah min dzi'l-hijjah ahad wa tis'ina wa sab'a mi'an min al hijrah al-muo-tafawy (yah)".

(1936)

Stutterheim^k kemudiannya menterjemahkannya pula ke bahasa Belanda. Terjemahannya ke bahasa Malaysia bermaksud lebih kurang: "Ratu yang ^g aung al-Alah binti Almarhum Sultan Malik az-Zahir, Maharaja (khan) di masa-masa lampau, putera dari ayahandanya Maharaja dari putera Maharaja, semoga Allah menerimanya dengan sempurna pada 14 Zulhijah, hari Jumaat, sanah 791 Hijrah".

Inskripsi dalam tulisan huruf Jawa kuno pula telah dibaca juga oleh Stutterheim. Bacaan beliau adalah seperti berikut:

Hijrah nabi mungstapa yang prasaddha
tujuh ratus asta puluh savarasa,
haji catur dan dasa vara sukra,
raja iman (varda) rahmatallah,
gutra bha (ru bha sa (ng) mpu hak kadah pase me
tarukk tasih tanahsamuha,
ilahi ya rabbi tuhan samuha,
taruh dalam svarga tuhan tutuha.

Inskripsi-inskripsi yang terukir pada batu nisan yang dipasang pada perkuburan-perkuburan berusia tua di sekitar Lhoksueumawe seperti yang disebutkan tadi terdiri dari tiga jenis dan bentuk batu nisannya juga berlainan. Nisan di Makam Malik al-Salih menggunakan batu nisan Aceh (batu Aceh) yaitu sejenis nisan yang dipertukangkan di Aceh sendiri dan jenis batunya pula sama dengan jenis batu yang boleh dilihat bertaburan disepanjang jalan raya dari Banda Aceh ke pantai Tanjung Batu. Tanya terdiri jenis batu yang dikenali oleh masyarakat setempat sebagai Batu Meurassa. Batu jenis ini biasanya berwarna kelabu serta sedikit kemerah-merahan.

Menurut kajian Dr. Othman Mohd. Yatim, nisan Aceh atau batu Aceh telah mula digunakan pada perkuburan raja-raja Islam di Nusantara ini sejak abad ke 13 lagi dan terus dipergunakan hingga abad ke 19. Menurut kajian itu dapat dikatakan bahawa perkuburan atau makam yang pertama menggunakan nisan Batu Aceh di Aceh ialah Makam Malik al-Salih yang terdapat di Kampung Menasah Beringin, Gedong, Lhoksueumawe. Pada batu itu diukir dengan tarikh mangkatnya pada tahun Hijrah 696 (1297M), manakala di Malaysia pula batu nisan jenis itu yang tertua dapat dikesan pada makam yang masih belum dapat dikenali pasti penghuninya di Permatang Pasir, Pekan, Pahang. Tarikh yang terukir pada batu nisan itu ialah tahun Hijrah 419 (1028M) ^{asili}.

Makam Sultan Malik al Zahir (Thahir) yang terletak disisi Makam Malik al-Salih yang mangkat pada tahun 1326M ^{asili} pula tidak menggunakan jenis batu nisan Aceh, sebaliknya batunya adalah jenis batu geranit atau batu pejal. Batu jenis ini amat keras dan sukar diukir, mungkin inilah sebabnya nisan tersebut tidak banyak mengandungi ukiran atau berkerawang seperti kebanyakan nisan-nisan Aceh.

Ada berbagai-bagai pendapat boleh kita beri mengapa makam cucu Sultan Malik al-Salih yang dilantik menjadi pemerintah Samudera/Pasai itu tidak menggunakan jenis batu nisan Aceh seperti nisan pada makam nindanya itu. Mungkin salah satu sebabnya ialah pada waktu wafatnya Sultan Malik al-Zahir (Thahir) jenis batu nisan Aceh sukar diperolehi lantaran batu nisan tersebut tidak ditukangkan lagi di Samudera/Pasai tetapi dipertukangkan di Aceh Besar. Kemungkinan juga pada waktu itu terdapat hubungan yang tidak mesra dan kurang baik diantara Samudera/Pasai dengan kerajaan yang disebelah Aceh Besar itu. Oleh kerana kesukaran mendapatkan tempahan batu nisan tersebut dari tempat membuatnya, kemungkinan mereka telah memilih jalan yang lebih baik bahawa batu nisan yang hendak dipasangkan pada makam raja mereka itu mestilah ditukangkan oleh tukang-tukang batu di Samudera/Pasai sendiri dari batu-batu yang ada dipersekitaran, iaitu batu geranit atau batu pejal yang dijadikan sebagai bahan membuat nisan tersebut. Oleh kerana batu tersebut agak keras dan tidak mudah patah, jadi bentuk batunya diukir secara agak mudah dengan tidak diukir dan tidak banyak kerawang yang rumit untuk diukir. Kemungkinan-kemungkinan lain yang boleh diketengahkan ialah sama ada kerajaan Islam Samudera/Pasai yang dibawah pemerintahan Sultan Malik al-Zahir (Thahir) itu sudah dipengaruhi oleh alim ulamak dan cerdik pandai Parsi/atau Gujarat. Mereka ini seboleh-bolehnya ingin memasukkan bentuk atau unsur-unsur kebudayaan mereka untuk diserapkan ke dalam budaya tempatan. Jadi bentuk nisan itu juga mungkin telah dipengaruhi oleh gaya nisan dari luar. Hal ini kita boleh kaitkan dengan beberapa buah batu nisan yang disebutkan tadi seperti batu nisan Maulana Abdullah, Maulana Abdul Rahman dan makam pada Ratu Nahrisyah, yang kesemuanya menggunakan batu marmar atau batu pualam putih yang ditempah

atau ditukangkan di Parsi atau di Gujarat. Malahan bentuknya juga jauh berbeza dengan batu-batu nisan yang dipertukangkan sama ada di Aceh ataupun tempat-tempat lain di Nusantara ini.

Sebuah lagi batu nisan yang bentuknya berlainan dengan nisan batu Aceh ataupun batu-batu nisan pada makam-makam yang disebutkan tadi, ialah batu nisan pada Makam Ratu al-Ala binti Sultan Malik al-Zahir (Thahir). Batu nisan tersebut mempunyai dua bentuk tulisan, yang satu bertulis huruf Jawa kuno bertarikh pada 14 Zulhijjah sanah 791 dan batu nisan yang satu lagi iaitu batu nisan kepala bertulis huruf Arab bertarikh 14 Zulhijjah 781. Tarikh yang tidak sama pada dua batu nisan tersebut mungkin kesilapan tukang yang memahatnya. Jadi tarikh yang mana satu yang betul, hingga kini tidak sesiapa yang dapat memberi jawapan yang tepat. Bentuk batu nisan Ratu al-Ala ini hampir sama dengan bentuk batu nisan pada makam orang Islam zaman kerajaan Majapahit di Trowulan. Ini tidaklah begitu menghairankan kerana diwaktu pemerintahan Ratu tersebut kerajaan Samudera/Pasai memang di bawah kekuasaan kerajaan Majapahit dan kerajaan Samudera/Pasai pula masih mempunyai beberapa buah jajahan takluknya, termasuk Kadah atau Kadaha seperti yang terpahat pada batu nisan di makam Ratu tersebut.

Sebuah lagi tempat di Sumatra yang telah dikesan dimana boleh dapati batu-batu bersurat berusia tua ialah di Barus, Tapanuli Utara di Provinsi Sumatra Utara. Menurut kajian dan penelitian yang dibuat oleh Dr. Hasan Muarif Ambary untuk tesis Ph.Dnya, terdapat sebuah makam yang telah ditemui di Kompleks Batu Badan, Barus. Makam tersebut dikenali sebagai makam Siti Tuhar Amisuri, bertarikh pada 10 Safar 620 H atau bersamaan tahun 1206 Masihi.

Batu nisan Siti Tuhar Amisuri yang dijumpai di Barus itu dianggap paling tua usianya dari sebarang bukti epigrafi yang bertarikh pernah dijumpai di Pulau Sumatra. Walaubagaimanapun makam ini juga masih menjadi tanda tanya. Siapakah perempuan yang disebut Siti Tuhar itu? Berdasarkan namanya tentulah beliau seorang yang ternama. Adakah beliau anak seorang pemerintah tempatan ataupun anak seorang hartawan ataupun beliau sendiri seorang ratu atau raja perempuan yang berkuasa di daerah itu?

Disamping Makam Siti Tuhar Amisuri terdapat sebuah lagi makam berusia tua yang dijumpai di Barus, iaitu Makam Syeikh Rukuniddin Imam Khatib. Inskripsi pada nisannya telah dapat dibaca dan mempunyai tarikh tahun 1400 M^{asihi}. ^{kah dia orang} Siapa yang bernama Syeikh Rukunuddin Imam Khatib itupun belum dapat dipastikan, namun kehadiran dua makam berusia tua di Barus itu membuktikan bahawa agama Islam sudah dianuti dan sampai di Barus pada abad ketiga belas atau terdahulu dari abad itu lagi. Memang boleh diterima jika sekiranya Barus dikira sebagai tempat pertama agama Islam bertapak di Nusantara ini, kerana tempat tersebut sudah dikenali oleh pedagang-pedagang luar terutama pedagang dari Arab, Parsi Gujarat dan China sebelum tarikh masihi lagi iaitu bersesuaian dengan apa yang tercatat di dalam peta yang disusun oleh Cladius Ptolemaeus yang menyebut Barus itu sebagai "Baroasi".

Epigrafi di Pulau Jawa

Di Pulau Jawa sudah ditemukan beberapa buah makam Islam yang berusia tua. Diantara yang paling tua ialah sebuah nisan yang terpahat dengan nama Fatimah binti Maimun, bertarikh tahun Hijrah 419 (1082M)^{asihi}.

Ia terletak di Leran dekat Gresik, Surabaya. Makam ini juga tidak dapat dipastikan, sama ada beliau adalah orang Islam yang datang dari luar Jawa ataupun orang Islam tempatan. Berdasarkan namanya itu besarlah kemungkinan Fatimah itu bukan orang Jawa, kerana biasanya orang-orang Jawa walaupun sudah beragama Islam kebanyakan mereka lebih suka memakai nama Jawanya yang berbau pengaruh kebudayaan Hindu, sedikit benar di kalangan orang Jawa sejak ^{dahulu} ~~baru~~ hingga sekarang ini mahu menukar atau mengambil nama-nama Islam yang berunsurkan budaya Arab dan sebagainya. Jadi, Fatimah binti Maimun itu barangkali juga anak seorang pedagang yang kaya, anak seorang mubaligh Islam dari luar lingkungan bangsa ~~sempun~~ ^{rumpun} Melayu, kemungkinan anak seorang Arab, Parsi, Gujarat dan sebagainya. Huruf Kufi yang digunakan pada nisannya itu juga ^{turut} ~~dapat~~ membantu kearah kebuntuan ini. Memang tidak dinafikan orang Jawa dimasa itu masih kuat dengan pengaruh tulisan huruf Jawa kuno, jadi tidak mungkin Fatimah itu anak seorang Jawa yang beragama Islam, kerana sudah disebut tadi bahawa mereka sangat peka dengan kebudayaan Jawa walaupun mereka itu sudah beragama Islam. Mungkin juga beliau adalah seorang wanita tempatan yang telah diberi nama Islam oleh seorang Islam dari luar (Arab, Parsi atau Gujarat) yang menikahnya kerana biasanya pedagang-pedagang Islam tidak membawa isterinya bersama dalam perjalanan jauh dan memakan masa itu. Mereka lebih cenderung untuk mengahwini wanita-wanita tempatan.

Satu lagi tanda sudah ada permukiman Islam di Pulau Jawa pada abad ke-14 ialah dengan terjumpanya batu-batu nisan bertarikh di Desa Troloyo (Trowulan) dekat Surabaya. Salah satu dari batu-batu nisan itu bertarikh 1349 Masihi. Ini membuktikan bahawa di zaman pemerintahan

kerajaan Majapahit yang berpusat di Trowulan itu sudah ada kelompok orang-orang Islam yang hidup bercampur gaul dengan masyarakat di sekelilingnya yang masih beragama Hindu/Buddha ataupun penganut kepercayaan Animisme.

Siapakah mereka itu masih belum dapat dikesan. Adakah mereka itu orang-orang tempatan ataupun masyarakat pedagang Islam yang bermastautin dibawah naungan kerajaan Majapahit? Sememangnya kerajaan itu bersikap toleransi terhadap apa jua penganut agama.

Penemuan purbakala ataupun penulisan asing mengenai kedatangan dan juga penganut agama Islam di Jawa dalam abad ke 11 hingga ke 13 memang sukar diperolehi, apatah lagi dalam bentuk epigrafi, hanya dalam abad ke 15, satu lagi makam orang Islam telah ditemui, iaitu Makam Maulana Malik Ibrahim, yang dijumpai di kompleks makam Posponegoro dekat Grisek, tarikh yang terdapat pada nisannya ialah pada tahun Hijrah 822 (1419M).
asiki
h

Malik Ibrahim juga bukan orang Islam tempatan tetapi seorang mubaligh dari luar, mungkin dari Gujarat, Parsi ataupun dari tanah Arab sendiri tetapi bentuk dan corak binaan makamnya itu tidak jauh bezanya dengan binaan Makam Maulana Abdullah dan Makam Ratu Nahrisyah yang terdapat di Pasai. Menurut penyelidikan Moquette binaan makam-makam tersebut yang diperbuat dari batu pualam putih itu adalah tiruan dari makam-makam Islam yang terdapat di Cambay, India. Moquette juga percaya bahawa batu-batu tersebut adalah berasal dari batu-batu marmar yang dirombak dari candi-candi atau kuil-kuil Hindu.

Dengan melihat bentuk binaan makam, corak yang terukir serta bahan batu itu sendiri, kita bolehlah membuat kesimpulan bahawa Malik Ibrahim, Maulana Abdullah dan Maulana Abdul Rahman yang mempunyai makam yang hampir sama bentuk itu adalah orang-orang yang datang dari luar. Mereka ini bukan dari tanah Arab, barangkali dari Parsi ataupun Cambay dan Gujarat atau dari lain tempat di India yang telah beragama Islam.

Malik Ibrahim memang seorang tokoh pendakwah dan mubaligh Islam yang tidak asing lagi bagi masyarakat Jawa. Beliau sering dikaitkan dengan berbagai-bagai peristiwa anih, sehingga ada cerita-cerita metos yang ~~menyebabkan~~^{gata} beliau seorang daripada wali yang terkenal dalam masyarakat Jawa dengan sebutan Wali Sembilan atau Wali Songo. Selain daripada Malik Ibrahim yang dianggap sebagai wali yang tertua Wali Songo terdiri dari Sunan Ampel, Sunan Giri, Sunan Bonang, Sunan Gunung Jati, Sunan Kudus, Sunan Muria, Sunan Drajat dan Sunan Kali Jaga juga dikatakan bertanggungjawab dalam penyibaran Islam di Indonesia.

EPIGRAFI ISLAM DI MALAYSIA

Kedatangan dan penyibaran agama Islam di Malaysia sering dikaitkan dengan Aceh, kerana dari sana dikatakan Islam dibawa oleh mubaligh-mubaligh ke Malaysia iaitu menerusi Kedah, Trengganu yang telah ditemui batu bersurat bertarikh tahun Hijrah 702 (1303M) dan Melaka. Sejarah Kedah juga ada menerangkan tentang datangnya seorang lamak dari Aceh ke Kedah untuk mengislamkan raja Kedah. Sejarah Melayu pula ada menyebut perihal seorang puteri Pasai yang berkahwin dengan Raja Melaka, dengan perkahwinan politik itu dikatakan Raja Melaka masuk Islam dan kemudiannya diikuti oleh rakyatnya.

Pada batu nisan Ratu al-Alla di Pasai pula ada catatan yang menyebutkan tentang Kedah termasuk dibawah takluk dan pemerintahan Samudera/Pasai. Dalam hal ini kita bolehlah mengambil kira bahawa sedikit sebanyak pengaruh Islam di kerajaan Pasai itu sampai juga ke Kedah dan kalau ini benar-benar terjadi maka dalam abad ke 14 Masihi sudah ada orang-orang Islam di Kedah. Mereka itu mungkin terdiri dari kaum pedagang yang berasal dari Pasai dan kemudian berkahwin dengan orang-orang Kedah lalu bermastautin di Kedah atau pun sudah ada penduduk pribumi Kedah yang di Islamkan oleh kaum pedagang itu sendiri yang bertindak juga sebagai pendakwah atau mubaligh.

Sejarah Kedah juga ada menyebut tentang seorang Raja Kedah yang diIslamkan oleh seorang mubaligh ~~dari~~ berbangsa Arab yang bernama Syeikh Abdullah bin Syeikh Ahmad bin Syeikh Jaafar Qaumiri. Raja Kedah tersebut memakai gelaran Sultan Muzaffar Syah. Tarikh Islamnya itu ialah pada tahun Hijrah 531 (1136M) ^{asiki} dan Sultan Kedah yang telah di-Islamkan itu mangkat pada tahun Hijrah 575 (1179M) ^{asiki}, makam Sultan Kedah yang sudah Islam itu ada sekarang ini di Kampung Langgar, Merbok, Kedah. Namun sayang sekali batu nisan yang dikatakan pada makam Sultan Kedah yang pertama masuk Islam itu tidak terdapat sebarang tulisan atau tarikh, jadi sukar bagi kita hendak menentukan kebenarannya. Kalau diperhatikan bentuk batu nisan yang terpasang pada makam almarhum Sultan itu bukan dari jenis batu nisan Aceh yang terawal, ianya jenis nisan Aceh yang dipergunakan dalam abad ke 17 Masihi. Nisan yang serupa terdapat di beberapa buah makam lama umpamanya di Kompleks ~~permakaman~~ Airaja, Langgar, Alor Setar, Kedah dan juga di beberapa buah kompleks permakaman Islam disekitar Banda Aceh.

Dalam tahun 1982 semasa Dr. Othman Mohd. Yatim memeriksa beberapa buah ketul batu candi yang tersimpan di Muzium Lembah Bujang, Merbok, secara tidak disangka-sangka di dalam kumpulan ketul-ketul batu candi yang banyak itu didapati sebuah ketul batu pejal yang berukuran 37 x 19 sm. ^{Arkeologi} Ia didapati mempunyai tulisan semacam huruf Arab atau huruf Jawi. Setelah batu tersebut dibawa ke Muzium Negara dan kemudian dibuat penelitian selanjutnya adalah didapati tulisan tersebut terdiri dari rangkaian huruf yang berbunyi **ابن سردان** (Ibnu Sardan) dan diujung perkataan itu pula ada semacam angka Hijrah yang bertulis **٢١٣** (213). Jika sekiranya ia sebagai angka Hijrah, ia membuktikan bahawa batu bertulis itu telah dipahat pada tahun itu juga iaitu dalam abad ke 9 Masihi.

Sukar hendak dipastikan dengan jelas apakah batu Ibnu Sardan itu merupakan sebahagian daripada batu yang dipasangkan pada sebuah kubur yang mempunyai nama tersebut, ataupun barangkali sebuah piagam untuk memperingati sesuatu peristiwa, kejadian atau sesuatu tragedi yang ada hubungkaitnya dengan orang yang namanya dipahat pada ketul batu tersebut.

Jumpaannya ketul batu bertulis itu adalah satu perkara yang sangat menarik. Adakah ia mempunyai hubungan dengan orang-orang Arab/Parsi yang dikatakan oleh Prof. ^{Muhamad} Syed Naquib Al-Attas dan beberapa orang sarjana lain telah berhijrah dari negeri China ke Palembang dan juga Kedah pada abad ke 7 dan 9 Masihi?

Barangkali juga Ibnu Sardan adalah seorang mubaligh atau pendakwah yang datang dari Timur Tengah. Nama itu mengingatkan kita kepada satu nama keluarga yang terdapat pada orang-orang Arab, biasanya nama keluarga Ibnu Sardan adalah terdiri dari keluarga Makiawan, mereka juga adalah ahli-ahli pelayaran yang suka belayar keluruh pelusuk dunia, sama ada sebagai saudagar ^{atupun} pedagang. Mereka telah bertindak sebagai mubaligh atau pendakwah yang gigih.

Kemungkinan batu bersurat Ibnu Sardan yang dijumpai di Lembah Bujang itu adalah catatan mengenai salah seorang dari keluarga Sardan yang awal sampai ke Kedah, kemudian bermastautin serta bergiat menyebarkan agama Islam kepada penduduk-penduduk tempatan di Lembah Bujang yang merupakan sebuah pelabuhan yang sangat terkenal terletak di Kuala Sungai Bujang dan disitu jugalah tempat berkumpul segala kaum pedagang-pedagang yang datang dari negeri China, Gujarat, India, Parsi dan juga saudagar-saudagar Arab sendiri. Walaupun Lembah Bujang pada masa itu terkenal sebagai pusat kegiatan sebuah kerajaan Hindu/Buddha, kerajaan mereka berhubung juga dengan kerajaan Majapahit di Jawa, tetap memberi kebebasan kepada penganut agama lain-lain, jadi mungkin kerana adanya toleransi inilah Ibnu Sardan kekal dan terus menetap di Lembah Bujang sehingga meninggalnya pada tanggal yang tercatat pada batu bersurat.

Didapati sebuah lagi makam lama yang telah kami temui di Kedah. Pada satu permukaan nisan di makam itu tertulis nama yang kami kenal sebagai "Syekh Abdul Kadir Husain al-Yarah". Makam ini terletak di perkuburan Islam Kampung Tanjung Ingggeris, Langgar.

Disamping nama itu terdapat pula tulisan semacam angka Hijrah yang tidak begitu jelas, namun yang dapat dibaca ialah Hijrah 219 yang bersamaan dengan tahun 903 Masihi. Angka tersebut masih boleh di-
 pertikaikan, kerana ada kemungkinan sebahagian dari angkanya lain
 arangkali sudah patah atau terhakis. Jika sekiranya angka ini
 benar maka kita telah bersua dengan satu lagi artifak Islam yang
 berusia tua. Artifak ini sudah tentu dapat merobah atau ~~menolong~~ ^{memendorong}
 atau penulisan semula yang lebih konkrit mengenai kedatangan agama
 Islam ke Nusantara ini.

Dalam tahun 1985 kami juga telah melawat sebuah lagi makam
 ma yang terdapat di Kampung Seberang Tok Soh, dekat Pinang Tunggal,
 lebih kurang 9 km ke tenggara bandar Sungai Petani. Makam tersebut
 menggunakan dua batu nisan, yang dibahagian nisan kepala bertulis
 n pada nisan kakinya tidak terdapat sebarang tulisan. Setelah
 buat penelitian lanjut didapati tidak terdapat sebarang tarikh yang
 leh membantu kita menentukan umur ~~nya~~ makam tersebut. Tulisan-tulisan
 batu nisan itu hanya sedutan ayat-ayat dari al-Quran. Tulisan itu
 bunyi:

لا اله الا الله محمد رسول الله

انا فتحنا للا فتا مينا
 دصر من الله وقع قريب
 ومبشرا منيرا
 شهد الله انه لا اله الا هو
 واولد العلم قائما
 بالقسط

Jemahannya:

Tiada Tuhan Selain Dari Allah Muhammad
 Adalah Pesuruh Allah

... (VIJ-294: 13) ...
 ... (VIJ-294: 13) ...
 ... (VIJ-294: 13) ...
 ... (VIJ-294: 13) ...

Siapakah yang disemadikan di makam yang dijumpai di Kampung Seberang Tok Soh itu? ^{kan} Buat masa ini belum dapat ~~diketahui~~ pasti lagi. Penduduk-penduduk disitu memanggilnya sebagai 'Makam Raja Bersiung'. Nama itu sebenarnya mengambil sempena nama sebuah bekas kota iaitu Kota Raja Bersiung yang terletak tidak jauh dari makam tersebut. Kami telah melawat dan meninjau kota tersebut secara ringkas dan mendapati ianya masih ada benteng yang diperbuat daripada timbunan tanah kira-kira setinggi dua hingga tiga meter dan sekeliling kota itu dibuat parit selebar kira-kira 10 hingga 15 meter, manakala dalamnya parit itu ialah kira-kira 3 hingga 4 meter.

Di dalam kawasan kota yang sangat luas itu didapati banyak sekali serpihan-serpihan tembikar, batu bata dan juga ketul-ketul batu merah. Kami kira di tempat itu dulunya terdapat bangunan-bangunan batu, mungkin bangunan istana raja yang memerintah ataupun juga bangunan-bangunan yang digunakan sebagai rumah ibadat, mungkin candi ataupun mungkin juga masjid. Walaubagaimana pun hal ini masih belum lagi dapat dipastikan dengan jelas. Ini adalah disebabkan kota Raja Bersiung itu belum dapat ditentukan bila ia didirikan samaada ia didirikan semasa kerajaan Kedah sebelum Islam ataupun oleh pemerintah Kedah sesudah adanya pengaruh agama Islam disitu.

Kalau kita merujuk semula kepada cerita-cerita yang terdapat dalam sejarah Kedah dari Hikayat Merong Mahawangsa, kita akan bersua dengan cerita raja Kedah yang bergelar Raja Bersiung. Mungkin raja Kedah itulah yang mendirikan kota tersebut. Berdasarkan cerita rakyat yang diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi ada kemungkinan kita boleh juga mempercayai ^{nya} ~~sekadar untuk memperkuat lagi~~ satu penelitian yang khusus perlu dibuat atas tapak kota tersebut ~~samaada oleh~~ ^{melalui kerja-kerja} pakar arkeologi ~~menbuat~~ galian dan sebagainya.

Sebuah batu bersurat lagi telah dijumpai di tebing Sungai Tersat, dekat Kampung Buluh, Kuala Berang, Hulu Trengganu. Jumpaan batu bersurat yang tidak disangka itu pada akhir abad ke 19 telah membongkar satu rahsia yang terpendam selama ini mengenai sejauh mana agama Islam sudah dianuti oleh penduduk-penduduk tempatan disebelah pantai timur Semenanjung Malaysia.

Batu bersurat Trengganu telah dijumpai di tebing kanan mudik Sungai Tersat, Kuala Brang, pada kira-kira tahun 1887 dan batu tersebut kemudian dipindahkan ke sebuah surau yang berdekatan ^{yang} dikenali dengan nama Surau Tok Rashid. Dari situ kemudiannya ia dipindahkan pula ke surau Kampung Buluh. Letak surau tersebut adalah kira-kira 100 meter dari tebing kanan mudik sungai Tersat iaitu tempat batu tersebut mula-mula dijumpai.

Dalam tahun 1902, seorang kenamaan Trengganu bergelar Pengiran Anum, Engku Abdul Kadir bin Engku Besar, berserta dengan seorang sahabatnya dari Riau bernama Syed Husin bin Ghulam Bakhari, telah datang ke Kampung Buluh, Hulu Trengganu. Semasa mereka naik ke surau Kampung Buluh untuk bersembahyang, mereka terlihat sebuah batu bertulis yang digunakan sebagai pelapik kaki untuk membasuh kaki sebelum naik ke surau. Semasa pulang mereka membawa batu tersebut bersama dan ianya dipersembahkan pula kepada Sultan Zainal Abidin III. Dengan titah baginda batu tersebut diletak di dalam kota di atas Bukit Puteri. Dalam tahun 1922 batu tersebut dipindahkan ke Pejabat Bandaran. Kemudiannya ia dibawa pula ke Singapura untuk dibuat kajian ~~yang~~ lanjut dan dalam tahun 1963, batu bersurat tersebut telah diserahkan pula kepada Muzium Negara.

Bahagian sebelah bawah batu bersurat Trengganu itu telah patah, dan bahagian yang tinggal dan bertulis itu berukuran setinggi..... dan mempunyai bentuk seakan-akan empat persegi tetapi kuncup ke bawah. Ukuran rentas disebelah muka atasnya ialah 54 cm dan ukuran rentas di bawahnya ialah kira-kira 26 cm. Batu tersebut telah ditimbang di Muzium Negara pada tahun 1981 dan beratnya ialah 214.8 kg.

Batu bersurat yang diperbuat daripada batu pejal ini mempunyai tulisan-tulisan huruf Jawi berbahasa Melayu ^{ber}campuran ~~dan~~ Sanskrit ~~dan~~ berpahat di empat penampangannya. Kandungan tulisan yang tercatat padanya telah dapat dibaca oleh beberapa orang pakar. Menurut Syed Muhammad Naguib Al-Attas seperti yang termuat dalam bukunya The Correct Date of the Trengganu Inscription bahawa tarikh yang tercatat di batu bersurat tersebut ialah pada hari Jumaat 4 haribulan Rejab tahun 702 Hijrah atau bersamaan dengan 22 Februari 1303 Masihi.

Lain-lain catatan yang terdapat di batu bersurat tersebut ialah menerangkan tentang seorang pemerintah Islam bernama Mandelika. Raja tersebut telah menjalankan dasar pemerintahannya menurut peraturan Islam. Ia menerangkan juga tentang hukum-hukum dalam Islam ke atas orang Islam yang melanggar dan membuat salah di sisi agama Islam, seperti hukuman terhadap isteri atau suami yang curang dan sebagainya.

Wujudnya sebuah kerajaan Melayu yang berlandaskan agama dan hukum-hukum Islam disebuah daerah yang boleh dikatakan mempunyai kedudukannya yang sangat jauh dari pantai laut atau kuala sungai itu adalah satu perkara yang sering dipersoalkan oleh sejarawan tempatan dan juga dari luar. Mengapa raja Melayu yang memerintah itu memilih tempat tersebut? Adakah ia ada hubungkaitnya dengan soal keselamatan?

Atau ada rahsia lain yang-membuatkan raja tersebut memilih tempat tersebut. Secara umumnya kita boleh membuat andaian bahawa dimana juga pusat pemerintahan tradisi yang penting bagi mereka ialah kedudukan pusat pemerintahan itu apabila diwujudkan mestilah mengambil kira beberapa perkara yang dapat memberi manfaat seperti perlindungan dan kesejahteraan rakyatnya untuk mengamal cara hidup yang bebas, keselamatan yang terjamin dari serangan musuh, senang mendapatkan kemudahan sara hidup, seperti mudah^h mendapat sumber rezeki - makanan yang diperolehi dipersekitaran yang mudah samaada untuk keperluan sendiri ataupun untuk diperdagangkan. Ataupun tempat yang dipilih itu jauh sedikit dari pusat-pusat kerajaan yang telah sedia wujud yang berlainan pula gaya pemerintahannya. Ini akan menolak kemungkinan berlakunya permusuhan diantara kerajaan-kerajaan tersebut. Ini adalah penting bagi raja pemerintah Melayu di Hulu Trengganu itu memilih sebuah tempat yang agak jauh dari pantai laut untuk mengelak risiko serangan dari luar.

Kerajaan Melayu yang beraja yang bernama 'Mandalika' seperti yang terpahat di batu bersurat itu tentulah telah wujud terlebih dulu dari batu yang dipahat itu, sehingga tukang yang memahatnya sudah mahir benar dengan gaya tulisan dan bahawa Jawa yang memperlihatkan ciri-ciri bahawa gaya tulisan itu sudah dicipta berasaskan tulisan Arab sekurang-kurangnya berpuluh-puluh tahun sebelum tulisan itu diukirkan pada batu bersurat tersebut. Jadi kita bolehlah membuat kesimpulan bahawa tulisan 'Jawi' yang diubah dan disesuaikan dari tulisan Arab itu barangkali sudah dicipta pada pertengahan abad ke 13 atau mungkin lebih awal dari itu.

Barangkali tiada siapapun yang dapat memberi jawapan siapakah yang mula-mula mencipta tulisan itu dan dimana ianya dicipta dan semasa pemerintah yang mana mula-mula sekali tulisan tersebut digunakan kerana tidak ada satupun catatan, samaada melalui artifek-artifek purbakala, epigrafi-epigrafi sama ada Islam atau sebagainya, manuskrip-manuskrip lama yang menerangkan hal tersebut. Selama ini hanya batu bersurat Trengganulah satu-satunya epigrafi bertulisan Jawa berbahasa Melayu yang dianggap tertua yang telah dicipta pada awal abad ke 14 Masihi.

Sehubungan dengan kerajaan Melayu pimpinan Mandalika di Hulu Trengganu itu, kita masih belum mengetahwi siapakah raja yang disebut Mandalika itu, dari mana asal-usulnya dan bagaimana boleh terwujud kerajaan Melayu itu di Semenanjung Malaysia yang pada waktu itu masih terkenal sebagai sebuah daerah yang amat kuat dengan pengaruh-pengaruh kebudayaan Hindu/Buddha, sehingga pada abad ke 14 Masihi pun Semenanjung Malaysia ini masih dikira sebagai sebahagian daripada daerah yang tidak dapat dipisahkan dengan beberapa buah kerajaan Melayu yang tidak lagi mengenal atau terpengaruh dengan agama dan budaya Islam.

Kerajaan Melayu Islam pimpinan Mandalika itu besar kemungkinannya ada hubungkaitnya dengan daerah-daerah di Nusantara ini yang telah mula menerima agama Islam pada waktu itu, sama ada kerajaan Mandalika itu sudah berhubung rapat dengan kerajaan Islam Samudera/Pasai yang diasaskan oleh Sultan Malik al-Salih, ataupun kelompok-kelompok orang

Islam yang terdapat di Brunei, Kerajaan Melayu Champa ataupun juga
perhubungan terus dengan orang-orang Islam di Negeri China yang
dahulu terlebih dulu menerima agama Islam. Nukilan yang tersurat
pada batu bersurat Trengganu itu berbunyi :

Prof. Syed Muhammad Naquib Al-Attas telah menterjamh atau membaca tulisan tersebut. Menurut beliau tulisan itu berbunyi:

Penampang A

1. Rasul Allah dengan yang orang
..... (bagi) mereka
2. ada pada Dewata Mulia Raya
beri hamba menegohkan ugama
Islam.
3. dengan benar bicara derma
meraksa bagi sekalian hamba
dewata Mulia Raya.
4. di benua ku ini (penentu) ugama
Rasul Allah sall'illahu 'alaihi wa
sallama Raja.
5. mandalika yang benar bicara
sebelah Dewata Mulia Raya di-
dalam.
6. behumi. Penentua itu fardzu
pada sakalian Raja manda-
7. lika Islam menurut sa-titah De-
wata Mulia Raya dengan benar.
8. bicara berbajiki benua penentua
itu maka titah Seri Paduka.
9. Tuhan medudokkan tamra ini
di benua Trengganu adi-pertama
ada.
10. Juma'at di bulan Rejab di tahun
sarsthan di sasanakala
11. Baginda Rasul Allah telah lala
tamat tugas dia.

Penampang B

1. keluarga di benua jauh kan
..... ul
2. (datang) berikan. Keemp-(at der-
ma barang) orang berpi-hutang
3. jangan mengambil k..... (a)mbil
hilangkan emas
4. kelima derma barang orang
(mer) deka
5. jangan mengambil (tugal buat)
temasnya
6. jika ia ambil hilangkan emas.
Keenam derma barang
7. orang berbuat balacara laki laki
perempuan sa=(titah)
8. Dewata Mulia Raya jika merdeka
bujan palu
9. sa-ratus rautan, Jika merdeka
beristeri
10. atawa perempuan bersuami di-
tanam binggan
11. pinggang di hembalang dengan
batu matikan
12. jika inkar ba(lachara) hembalang
jika anak mandalika.

Penampang C

1. bujan dandanya sepuluh tengah
(tiga) jika ia
2. menteri bujan dandanya tujuh
tihil sa-p(aha).....
3. tengah tiga. Jika (tetua) bujan
dandanya lima ta(hil).....
4. tujuh tihil sa-paha masuk ben-
dara. Jika o(rang).....
5. merdeka. Ketujuh derma barang
perempuan hendak.....
6. tida dapat bersuami jika ia ber-
buat balachara.....

Penampang D

1. tida benar dandanya sa-
tihil sa-paha. Kesembilan derma.
2. Seri Paduka Tuhan siapa
tida dandanya
3. kesapuluh der)ma jika anak-
ku atawa (pemain) (?) ku atawa
cucuku atawa keluarku atawa anak.
4. tamra ini segala isi tamra ini
barang siapa tida menurut tamra ini
laanat Dewata Mulia Raya
5. dijadikan Dewata Mulia Raya
bagi yang langgar acara tamra ini.

Dalam tahun 1953, sebuah batu nisan bertulis telah dijumpai di sebuah tanah perkuburan di Kampung Permatang Pasir dekat Pekan, Pahang. Penemuan batu nisan tersebut merupakan suatu perkara yang sangat menarik kerana ia dijumpai semasa mengorek sebuah perkuburan disitu. Nisan tersebut dijumpai kira-kira satu meter di dalam tanah.

Dalam tahun 1979, Saudara Halim Nasir bersama dengan Saudara Mohd. Mokhtar, Pengarah Muzium Sultan Abu Bakar melawat ke tapak makam tersebut, ~~ikut~~ sama ialah Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abdullah, Nazir Sekolah Menengah Agama Pahang. Dengan kerjasama Tuan Haji Abdul Wahab batu nisan tersebut telah dapat dibaca. Nukilan yang lengkap pada penampang-penampang di batu nisan tersebut telah disiarkan dalam Jurnal Pahang Dalam Sejarah, Bilangan 1, 1982.

Menurut apa yang dibaca oleh Haji Abdul Wahab bahawa pada nisan sebelah kakinya terdapat catatan tarikh tahun Hijrah 419 atau bersamaan dengan tahun 1028 Masihi. Kalau melihat dari bentuk batu nisannya, kita agak kurang yakin dengan umurnya yang sebegitu tua. Nisannya kalau dibandingkan dengan bentuk nisan yang terdapat di Kompleks Makam Ziarat Raja Radin, ataupun nisan yang terdapat di Kompleks Makam Nibong, memang tidak banyak perbezaannya. Kesemuanya adalah dari jenis nisan Aceh yang telah dipergunakan pada kubur-kubur raja-raja Melayu disekitar abad ke 15 hingga abad ke 16. Lagipun tulisannya sudah memperlihatkan gaya tulisan yang jauh lebih baik dan bermutu jika dibandingkan dengan tulisan khat yang terpahat pada batu nisan Sultan Muhammad Syah di Dusun Pinang ataupun tulisan

11 1990
1028
—
1962

khat yang terpahat pada batu nisan Nakhoda Kambaiy (Cambay) yang bertarikh pada tahun 869 Hijrah (1459 M).

asili
k

Walaupun bagaimanapun tarikh yang tercatat di batu nisan Kampung Permatang Pasir itu tidak harus dinafikan kebenarannya. Ia memerlukan kajian yang menyeluruh dari berbagai-bagai aspek. Kita harus memberi peluang kepada pakar-pakar sejarah tempatan yang tidak kurang jumlahnya di negara kita ini untuk berusaha meneliti adakah tarikh yang dicatat di batu nisan tersebut benar atau tidak. Buat masa ini tarikh yang dicatat dalam bentuk tulisan Arab itu agak sukar untuk dipastikan kesahihannya, kerana ia bukan dicatatkan dalam angka Arab. Kalau dalam bentuk angka barangkali ada kemungkinan angka-angka yang terletak di pangkalnya telah terhakis oleh sesuatu sebab, kalaulah catitan yang dibuat dalam bentuk huruf pastilah rangkaian ayatnya itu akan dapat menjelaskan apakah maksud yang tersurat di batu nisan tersebut.

Batu nisan di Kampung Permatang Pasir itu tidak juga mencatatkan nama orang yang disemadikan di makam tersebut. Ini menjadi satu masalah bagi ahli-ahli sejarah tempatan bila berhadapan dengan peninggalan-peninggalan sejarah yang ditemui tanpa mempunyai tarikh dan sebagainya. Seperti juga dengan makam-makam lama yang menggunakan batu nisan Aceh, terdapat suatu simbol yang sering terdapat pada nisan jenis tersebut, simbol tersebut bagi menandakan yang mana satu nisan untuk kubur seorang lelaki atau perempuan. Kalau diperhatikan di bahagian atas batu nisan tersebut iaitu yang menandakan kubur seorang perempuan terdapat satu simbol yang menyerupai seperti alat 'caping'

atau seperti daun terup yang dipanggil 'lekuk', manakala simbol pada nisan seorang lelaki pula didapati bentuk lekuk disebelah atasnya diratakan iaitu tidak lagi berbentuk tirus tajam seperti bentuk 'lekuk'.

Bukti tentang simbol yang digunakan bagi mengenal yang mana satu nisan untuk kubur seorang perempuan atau lelaki yang terdapat pada setengah-setengah nisan batu Aceh ini dapat kita lihat pada batu nisan Sultan Muhammad Syah di Dusun Pinang, nisan Raja Fatimah, nisan Sultan Abdul Jamil, nisan Sultan Alauddin Riayat Syah di Pagoh, nisan Raja Sulaiman di Sayong Pinang dan lain-lain lagi.

Pada nisan di Kampung Permatang Pasir itu terdapat juga simbol yang menunjukkan simbol nisan kubur seorang lelaki. Siapakah lelaki yang disemadikan di makam tersebut masih belum dapat dipastikan. Dalam sejarah Pahang memang terdapat beberapa orang Sultan Pahang dari zuriat kesultanan Melaka yang tidak dapat dikesan dimana letak makamnya, namun dengan tarikh yang begitu awal yang tercatat di batu nisan tersebut adalah tidak menasabah ianya makam salah seorang Sultan Pahang, kerana lingkungan masa pemerintahan Sultan Pahang ialah bermula pada kurun ke 15 dan ini tentulah jauh lebih muda jika dibandingkan dengan tarikh yang terdapat di batu nisan tersebut iaitu kurun ke sebelas.

Tarikh di batu nisan Kampung Permatang Pasir itu dapat kita kaitkan dengan batu nisan di makam Islam yang terdapat di Brunei Darussalam. Disana terdapat makam-makam yang nisannya yang bertarikh misalnya batu nisan Puteri Sultan Abdul Majid Ibni Muhammad Syah Al-Sultan yang bertarikh pada tahun hijrah 440 atau bersamaan dengan tahun ~~maka~~ 1048 *Masiki*.

Sementara di Vietnam pula terdapat nisan dari perkuburan Islam yang bertarikh pada tahun hijrah (1039 Masihi).

Apakah perkaitan diantara makam-makam lama yang mempunyai tarikhnya yang hampir sama itu dengan penyiaran Islam ke Nusantara ini? Suatu penelitian lanjut patut dibuat oleh pakar-pakar sejarah bagi memecahkan masalah yang sekian lama tidak terhurai ini.

Nukilan yang terdapat pada batu nisan di Kampung Permatang Pasir itu telah dibaca oleh Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abdullah. Ianya berbunyi:

Nisan kepala,
Penampang Selatan (A)

Terjemahannya:

يا غفور
قال الله تعالى
كل نفس ذائقة
الموت، وانما توغون

1. Wahai yang mengampuni
2. Firman Allah Taala
3. Tiap-tiap yang bernyawa mesti merasai
4. Mati dan sesungguhnya akan disempurnakan.

Nisan kepala Penampang Timur (B)

أجوركم
يوم القيامة
فمن زحزح
عن النار
لاخوف

1. Pahala-pahala kamu
2. pada hari kiamat
3. maka barang siapa yang dijauhkan
4. dari neraka
5. tidak takut

Nisan kepala Penampang Utara (C)

- 1. هو الله
- 2. قال الله تبارك
- 3. وتعالى في كتابه

- 1. ialah Allah
- 2. Firman Allah Tabaraka
- 3. wa taala dalam kitabnya
- 4. ketahuilah sesungguhnya wali-wali Allah itu

Nisan Kepala Penampang Barat (D)

- 1. عليهم و
- 2. لامهم
- 3. يحزنون
- 4. راحل
- 5. في الصبح

- 1. di atas mereka dan
- 2. tiada mereka
- 3. berdukacita
- 4. berpindah
- 5. di waktu subuh (pagi)

Nisan Kaki, Penampang Selatan (A)

- 1. يا مبيين
- 2. الا انما الدنيا
- 3. كمنزل راب
- 4. اراع مشيا وهم

- 1. Wahai Allah yang menjelaskan
- 2. ketahuilah sesungguhnya dunia itu
- 3. seperti rumah tumpangan
- 4. berehat di waktu isyak (malam) dan dia

Nisan Kaki, Penampang Timur (B)

1	الامتع
2	الفرور
3	صدق الله
4	الكريم
5	سنة رابع

- 1. melainkan mata benda
- 2. yang memperdayakan
- 3. telah bernalah Allah
- 4. yang mulia
- 5. Tahun Empat

Nisan Kaki, Penampang Utara (C)

يا رحيم
تاريخ وفاتي يوم
الاربعاء رابع
عشر وشهر ربيع

1. Wahai Allah yang mengasihani
2. Tarikh wafatnya hari
3. Rabu Empat
4. belas dan bulan Rabie

Nisan kaki Penampang Barat (D)

وادخل
الجنة فقد
فاز وما
الحياة الدنيا
وتسعة عشر

1. dan dimasukkan
2. Kedalam syurga maka sesungguhnya
3. menanglah ia dan tidaklah
4. hidup di dunia
5. dan sembilan belas.

Tulisan-tulisan yang terdapat di dua batu nisan tersebut telah dipetik daripada ayat al-Quran dari surah Ali-Imran ayat 185, dan Surat Yunus ayat 652. Walaubagaimana pun tulisan tersebut tidaklah lengkap ataupun tidak merupakan keseluruhan surah-surah tersebut. Disamping itu terdapat juga puisi bahasa Arab dan juga satu catatan mengenai tarikh meninggalnya orang yang disemadikan di makam tersebut. Menurut Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abdullah yang telah membaca tulisan yang berbentuk puisi itu adalah seperti berikut:

Terjemahannya:

"Ketahuilah sesungguhnya dunia ini seperti rumah tumpangan,
berihat di waktu malam dan berpindah di waktu pagi".

Manakala ayat yang menyebut tarikh kematian berbunyi:

تاريخ وفاته يوم الاربعاء رابع عشر وثمانين
ربيع سنة رابع وثمانين

Maksudnya: "Tarikh wafatnya hari Rabu empat belas dan bulan
Rabie tahun empat dan sembilan belas" (419).

Tarikh kematian yang terpahat dalam tulisan itu jika ianya boleh
diterima memperkuat lagi bahawa inilah satu-satunya makam orang
Islam yang tertua pernah dijumpai di Malaysia. Ianya patut diberi
perhatian yang sewajarnya oleh para sejarawan kita.

Epigrafi Islam selepas wujudnya Kerajaan Melayu
Islam Melaka

Melaka ialah sebuah negeri yang dipercayai telah dibuka oleh seorang putera raja dari Majapahit yang lama menetap di Palembang. Beliau merajuk dan kemudian berpindah pula ke Singapura. Disana juga putera raja Jawa ini telah menimbulkan kekacauan kerana membunuh Gabenor Siam di pulau itu. Beliau telah dihalau tetapi dapat melepaskan diri ke Muar lalu membuka daerah itu. Oleh kerana tempat itu tidak begitu sesuai, putera raja Majapahit yang bernama Permaisura atau disebut juga Parameswara itu membuka sebuah kawasan lain yang kemudiannya dinamakan Melaka.

Sejak Melaka dibuka kira-kira pada akhir abad ke 14 atau awal abad ke 15 Melaka menjadi sebuah negeri dengan pelabuhan yang sibuk dan rajanya yang dikenali dengan nama Parameswara yang belum lagi Islam itu kemudiannya memeluk agama Islam. Tarikh baginda memeluk Islam itu menurut beberapa andaian yang diutarakan oleh beberapa sejarawan ialah pada awal abad ke 15. Setelah memeluk agama Islam baginda memakai gelaran Permaisura Iskandar Syah.

Sejak Islamnya raja Melaka yang pertama itu, pelabuhan Melaka kian bertambah sibuk, terutama sekali ^{dengan} kedatangan para pedagang-pedagang beragama Islam dari Timur Tengah, Gujarat, Parsi dan juga pedagang-pedagang China yang kebanyakannya beragama Islam. Sejarah Melaka juga ada menyebut tentang raja Melaka itu pernah belayar ke negeri China bersama-sama dengan rombongan baginda yang seramai 540 orang.

Rombongan baginda itu menaiki kapal angkatan Laksamana Cheng Ho, iaitu seorang Laksamana beragama Islam di zaman pemerintahan Maharaja Yung-lo yang memerintah negeri China pada masa itu (1402-1424 *Masih*).

Negeri Melaka terus maju dan berkembang dengan pesatnya, sehingga pelabuhannya yang dulu merupakan sebuah perkampungan nelayan yang kecil menjadi sebuah pelabuhan yang sangat terkenal di rantau ini, bagi para pedagang-pedagang serantau mahupun pedagang-pedagang antarabangsa. Mereka ini tidak melepaskan peluang yang baik ini untuk turut juga berdakwah sambil berdagang. Mereka menggunakan kesempatan itu untuk mengembangkan agama Islam kepada para penduduk Melaka yang baru menerima agama tersebut. Mereka menerimanya mungkin kerana agama itu sangat sesuai dengan cara hidup mereka. Ajaran-ajaran Islam yang agak liberal itu tidak banyak mengandungi halangan dan risikonya, sehinggakan waktu raja Parameswara memerintah pengaruh agama Islam sudah tersebar begitu luas *ke* seluruh pelusuk negeri Melaka. Jadi, orang Melayu pada waktu itu sudah menerima apa yang diajarkan oleh agama Islam dan agama itu terus menjadi pegangan mereka.

Kerajaan Melayu Melaka yang berteraskan agama Islam itu terus diperintah oleh lapan orang raja yang bergelar Sultan. Walaubagaimanapun Sultan Melaka yang terakhir telah menerima nasib yang begitu malang, apabila Melaka diserang dan dialahkan oleh angkatan perang Portugis yang dipimpin oleh Alfonso d'Albuquerque pada tahun 1511 *Masih*.

dari makam-makam Sultan Melaka, makam para alim ulamak, mubaligh Islam dan juga makam-makam pembesar Melayu Melaka yang bersemadi disitu sejak pada penghujung abad ke 14 hingga abad ke 16 Masihi.

Musnahnya kompleks makam diraja Melaka di kaki Bukit Melaka (Bukit St. Paul sekarang) itu adalah merupakan satu kerugian besar terhadap khazanah kebudayaan Melayu yang berteraskan agama Islam. Bukti-bukti epigrafi yang terpahat di batu-batu nisan itu adalah merupakan epigrafi-epigrafi yang berusia tua yang membuktikan bermulanya kedatangan Islam ke Melaka dan juga rantau takluk Melaka. Namun begitu mujurlah sejak akhir-akhir ini beberapa buah batu nisan yang bertarikh yang dipercayai berasal dari tapak permakaman diraja itu telah ditemui semula, antaranya ialah batu nisan Sultan Mansor Syah, yang mempunyai tarikh mangkatnya pada tahun Hijrah 882 (1477M) ^{asiki}. Walaubagaimanapun batu nisan tersebut hanya sebuah sahaja, ^{yang} ~~sebuah lagi~~ ^{masih} ~~nisan~~ belum lagi ditemui. Terdapat sebuah lagi nisan ^{yang} telah ditemui juga di persekitaran Bukit St. Paul. Nisan tersebut dipercayai menandakan makam Sultan Muzaffar Syah, Sultan Melaka kelima (1446-1456M) ^{asiki}, batu nisan tersebut kini tersimpan di Sejarah di Melaka.

Nisan yang bahagian sebelah atasnya telah patah ^{un} ^{quette.} mengandungi tulisan khat yang dipahat timbul. Ianya ^{seolah} jika dilihat dari cara penyusunan tulisannya. Dalam ^p sebagai seorang sarjana Belanda bernama J.P. Moquette telah menemui tulisan berbahasa Arab pada nisan tersebut.

"Hadzihi al-rauqzat al-mukaddasat al-mutahharat
al-zawiyat al-safiyat al-munawwarat lil Sultan
al-adil wa'l-malik al-badzil al-Sultan Mansur
Syah ibni Muzaffar Syah al-marhum: Qad intaqala
min dar al-mahal(i) ila dar i'l-ma'al(i) yawm
al-Arba'a min Rejab, sanat ithanataini wa thamanina
wathamanumiata".

Terjemahan secara bebasnya adalah seperti berikut:

"Inilah kubur yang suci yang kudus makam yang
bergemerlapan cahayanya kepunyaan sultan yang
adil dan raja yang pemurah iaitu Sultan Mansor
Syah ibni al-marhum Muzaffar Syah, sesungguhnya
telah berpindah ia dari negeri berubah-ubah
(yang baru) ini ke negeri tempat kembali yang
penyudahan, pada hari Arba'a (Rabu) bulan Rejab,
sanat dua dan lapan puluh dan lapan ratus"

(8H2 H ^{ijrah} bersamaam ^{asili} 1477M).

Disebelah penampang yang bertulis itu, terdapat juga tulisan-
tulisan yang sebahagiannya telah hilang dan rosak. Walaubagaimanapun
dua rangkap yang di sebelah atas telah dapat dibaca oleh J.P. Moquette.
Rangkap-rangkap tersebut hampir sama dengan rangkap-rangkap sebelah
atas pada nisan Malik al-Saleh, yang menurut tradisi dianggap sebagai
raja pertama yang memeluk agama Islam di Nusantara ini.

Tulisan pada penampang tersebut adalah seperti berikut:

1. انما الدنيا 'ليس الدنيا ثبوت
2. الا انما الدنيا كبيت نحت العزكوت

Terjemahan secara bebasnya:

1. Sesungguhnya dunia ini fana, dunia ini tiadalah kekal.
2. Sesungguhnya dunia ini ibarat sarang yang ditunen oleh labah-labah

Nisan Sultan Mansor Syah yang hanya sebuah itu adalah nisan kepala dan dari jenis batu Aceh. Ianya merupakan satu penemuan yang sungguh bererti bagi masyarakat Islam di Malaysia, sekurang-kurangnya ia memberikan bukti tentang kewujudan pemerintah Islam pada zaman tradisi yang begitu mencabar dalam proses atau evolusi perkembangan dakwah Islamiah di rantau ini.

Dua buah lagi nisan berusia tua yang bertarikh sezaman dengan kerajaan Melayu Melaka yang masih wujud ialah nisan Nakhoda Haji Kapⁿbaⁿly yang bertarikh tahun Hijrah 863 (1459M) ^{asiki} dan yang sebuah lagi tercatat nama Ismail Haji Nasaruddin. Nisannya bertarikh tahun Hijrah 884 (1480M) ^{asiki}. Kedua-dua buah nisan ini tidak diketahwi dengan jelas dimana letak asal makamnya.

Tulisan pada nisan Ismail Haji Nasaruddin berbunyi:

Terjemahan bebasnya berbunyi:

Harapan kita hanyalah kepada keredhaan Allah, pencipta!
Ismail anak lelaki kepada Haji Nasru'd-din anak lelaki
kepada Ismail Lai.

Manakala tulisan di penampang belakangnya pula:

في تاريخ خامس شهر (ذي) القعدة في ليلة
الجمعة لسنة اربع وثمانين وثمانمائة
من الهجرة النبوية عليه الرخوا (ن) والتحية

Terjemahan secara bebasnya:

Pada hari kelima dalam bulan Dzulkaedah pada hari Juma'at
malam tahun 889 selepas Hijrah Nabi s.a.w. (18 Januari 1480
masihi).

J.P. Moquette juga telah dapat membaca tulisan pada ^{nisan} Nakhoda Haji
Al-Kanbaiy ^{ianya} dimana berbunyi:

- (1) هذا قبر المغزور المرحوم الراجي الى رحمة الله تعالى
- (2) ناخدا حاجي الكنبايي بن جمال الدين
- (3) التاسع من شوال سنة ثلثة وستين وثمانمائة

Terjemahan secara bebas berbunyi:

Ini adalah kubur seorang 'alim yang telah meninggal dan mendapat
kesayangan Tuhan, Nakhoda Haji Kanbaiy putera kepada Jamaluddin,
yang telah meninggal dunia pada 9 haribulan Syawal tahun Hijrah
863 (9 Ogos 1459 Masihi).

Tulisan yang terdapat disisinya adalah seperti berikut:

وصلى الله على محمد وآله وسلم

كل من عليها فان ويبقى وجه ربك (2)

ذو الجلال والاكرام (3)

Terjemahan bebasnya berbunyi:

Kalimah Allah Muhammad

Tiap-tiap yang berada di dunia akan mati

Tetapi muka Allah akan kekal

dalam keagungan dan kejayaan

Kita juga masih beruntung kerana seorang raja atau Sultan Melaka mangkat dan di makamkan di luar Melaka, jadi makam tersebut itu ter- selamat dari dimusnahkan. Makam itu ialah makam Sultan Alauddin Riayat Syah, Sultan Melaka yang ketujuh (1477-1488M), yang terletak di Kampung Raja, Pagoh, Muar. Kemangkatan Sultan Alauddin Riayat Syah di Pagoh itu menurut Sulalatus-Salatin (Sejarah Melayu) adalah kerana diracun. Sebelum baginda mangkat baginda berwasiat apabila baginda mangkat, baginda hendaklah dimakamkan diluar Melaka iaitu di Pagoh, tempat baginda bersemayam dan berubat.

Pada waktu pemerintahan Sultan Mansor Syah di Melaka agama Islam telah tersebar luas ke negeri-negeri yang dibawah pengaruh kerajaan empayar Melaka, seperti Siak, Kampar, Singapura, Bentan, Ungaran, Sening Hujung, Jeram dan juga beberapa buah negeri di Semenanjung Malaysia, seperti Kedah, Pahang, Trengganu, Kelantan dan lain-lain lagi.

Agama Islam yang berkembang di jajahan atau wilayah pengaruh Melaka itu tidaklah mengalami sebarang halangan atau tentangan yang merosakan agama itu, namun dalam pada itu terdapat seorang tokoh agama Islam yang dikatakan tidak sehaluan dengan ulamak-ulamak di Melaka yang dibawah pengaruh Kesultanan Melaka, beliau itu ialah Syeikh Ahmad Majanu, yang membawa satu aliran atau mazhab yang tidak sama dengan mazhab yang dipegang oleh ulamak-ulamak dalam lingkungan kesultanan Melaka, Syeikh Ahmad Majanu dan pengikut-pengikutnya terus membuat penentangan sehingga kemudiannya Sultan Mansor Syah terpaksa menghantar tenteranya untuk membendung dan memusnahkan kegiatan ulamak Syiah tersebut. Akhirnya Syeikh Ahmad Majanu terkorban dan pengikut-pengikutnya mendirikan sebuah tugu atau batu bersurat di sisi makam beliau.

Batu bersurat tersebut diukir dengan tulisan dalam bahasa Melayu huruf Kawi atau Jawa Kuno, disamping terdapat juga penggunaan tulisan Jawi. Makam dan batu bersurat Syeikh Ahmad Majanu itu masih dapat dilihat hingga sekarang ini di Kompleks Sejarah Pengkalan Kempas, dekat Port Dickson. Di Kompleks Sejarah itu juga terdapat satu lagi peninggalan sejarah yang disebut Batu Megalith. Ianya adalah satu warisan sejarah zaman silam dimana manusia waktu itu masih kuat terikat dengan kepercayaan animisme. Batu yang didirikan sebagai tugu selalunya disembah atau dipuja berasaskan pemujaan lelohok atau ketua-ketua atau pemimpin adat yang disembadikan disitu.

Tulisan yang terpahat pada batu bersurat Syeikh Ahmad Majanu itu adalah merupakan satu peninggalan epigrafi sejarah dalam bahasa Melayu dengan gabungan huruf Kawi atau huruf Jawa Kuno dengan tulisan Jawi berusia tua yang pernah dijumpai di Malaysia. Tulisan-tulisan pada batu bersurat tersebut telah dibaca oleh J.G. de Casparis dan tersiar dalam JMBRAS, vol. III Part I, 1980. Disini kami perturunkan tulisan tersebut:

Penampang utara tulisan Jawi/bahasa Melayu/Jawa kuno, nukilannya:

1. bismi'llahi'l-rahmani'l-rahimi
2. dara, buta buka ata-
3. tada milikna ah-
4. mat majanu berbawat
5. daya/seda ahmat
6. Pwan balat anak sedang
7. ahmad majanu ma malaga
8. pada alah/

Penampang selatan tulisan ^{Kawi} bahasa Melayu/Jawa kuno:

1. bismi'llahi'l-rahmani'l-rahimi
2. pertama ahmad maja-
3. nu masuk ke jalan tat-
4. kala raja-raja danan ba-
5. tun barah talang ketangkap
6. lalagi phana wassalam ,
7. 1385

Dalam nukilan huruf ^{Masih} Kawi itu jelas mencatatkan nama Ahmad Majanu yang terbunuh dalam satu peperangan pada tahun 1385 (tahun Jawa atau tahun Saka ^{Masih} lalui bersamaan tahun 1463/64). Manakala dalam nukilan huruf Jawi pula ada mencatatkan bahawa Ahmad Majanu meninggal pada tahun 872 Hijrah ^{Masih} (1467/68). Tarikh yang berbeza yang tercatat di nukilan Jawa kuno dengan nukilan Jawi itu masih menjadi tanda tanya, kerana per-

bezaan itu menjadi satu mistri yang tidak terjawab.

Sebagaimana menurut beliau ayat nukilan ^{Kawi} penampang utara bermaksud demikian: "Dengan nama Allah yang maha pengasih, lagi penyayang, makam ini kepunyaan Ahmad Majanu, wira yang berjuang. Ahmad gugur bersama-sama isteri Balat dan anak lelakinya. Semasa berjuang dia gugur".

Nukilan Kawi di penampang selatan bermaksud:

Dengan nama Allah yang maha pengasih lagi penyayang Ahmad Majanu adalah yang mula-mula muncul ditepi jalan diketika raja dan Tun (?) Barah Talanga ditangkap. Akhirnya beliau ghaib (dalam tahun Saka 1385).

Nukilan huruf Jawi tidak semua ^{nya} dapat dibaca oleh Dr. J.G. de Casparis. Walaubagaimana pun ^{beliau} ~~Casparis~~ memberi beberapa andaian dan makna ayat-ayat yang setengah-setengahnya sukar difahami. Menurut Casparis dalam nukilan Jawinya ada ejaan Melayu yang menyebut - dalapan ratus tujuh puluh dua tahun (872) iaitu tarikh hijrah bersamaan dengan tahun masihi 1467/68.

Sewaktu pemerintahan Sultan Mansur Syah juga telah terdirinya kerajaan Melayu Pahang dengan raja yang memerintahnya bergelar Sultan. Sultan yang pertama di Pahang itu ialah Sultan Muhammad Syah. Makam Sultan Pahang yang nisannya bertarikh itu telah dijumpai di Kampung Dusun Pinang, Langgar, Pahang Tua, Pekan. Tulisan pada batu nisan itu membuktikan bahawa dalam abad kelima belas sudah bertapak satu kerajaan

Islam menggantikan kerajaan yang terdahulu dari itu ^{yang} dipengaruhi oleh agama Hindu/Buddha.

Makam Sultan Muhammad Syah itu terletak di tanah pamah berhampiran dengan rumah pam air Kampung Dusun Pinang. Oleh kerana nisan tersebut sering ditenggelami oleh air banjir dari sungai Pahang Tua yang jaraknya kira-kira 200 meter dari makam itu maka pihak Muzium Sultan Abu Bakar, Pahang telah mengalihkan dan meletakkan nisan tersebut ke atas sebuah binaan yang dibuat dari simen. Binaan itu adalah kira-kira 2 meter tinggi dari paras tanah. Dengan yang demikian terselamatlah nisan bertulis itu dari hakisan air banjir yang sering melanda sepanjang tahun ketika musim banjir di Pahang.

Sultan Muhammad Syah I, adalah merupakan Sultan Pahang pertama beragama Islam yang memerintah Pahang. Sebelum itu Pahang hanya dikenali oleh seorang pembesar Melaka ^{bernama} Tun Hamzah (Datok Bongkok) yang digelar Dato' Seri Bija Diraja. Sebelum Tun Hamzah menjadi wakil Melaka memerintah Pahang, negeri Pahang adalah di bawah pemerintahan Maharaja Dewa Sura, iaitu seorang pemerintah Pahang yang belum beragama Islam dan pentadbiran itu adalah dibawah penguasaan pemerintah Siam (Seri Bija Diraja) untuk memerintah Pahang.

Kira-kira dalam tahun 1454, Sultan Mansor Syah Melaka telah menggerakkan sebuah angkatan perang untuk menyerang dan seterusnya berjaya menaklukkan Pahang yang pada masa itu di bawah pemerintahan Maharaja Dewa Sura. Setelah Pahang alah, Sultan Mansor Syah menempatkan Tun (Seri Bija Diraja) untuk memerintah Pahang.

Seorang daripada puteri Maharaja Dewa Sura yang bernama Puteri Wanang Seri atau disebut juga Puteri Lela Wangsa telah diperisterikan oleh Sultan Mansor Syah dan mereka telah beroleh dua orang putera, seorang bernama Raja Ahmad dan seorang lagi bernama Raja Muhammad.

Kira-kira dalam tahun 1469, Raja Muhammad yang baru berumur dalam lingkungan 15 tahun, itu telah dihantar untuk merajai Negeri Pahang, mengambil alih pemerintahan Tun Hamzah. Kedatangan Raja Muhammad untuk merajai negeri Pahang itu bukanlah atas kehendak dan kerelaan ayahandanya Sultan Mansor Syah kerana memang telah direncanakan yang Raja Muhammad akan dilantik mewarisi takhta kerajaan Melaka, tetapi malang bagi anak raja tersebut, apabila orang-orang Bendahara Paduka Raja Tun Perak tidak mahu Raja Muhammad mewarisi kesultanan Melaka. Ini adalah kerana putera raja tersebut telah membunuh Tun Besar anak Bendahara Paduka Raja. Pembunuhan itu berlaku di Kampung Bendahara. Ianya berpunca dari peristiwa ketika Raja Muhammad yang sedang menaiki kuda melalui kampung tersebut. Pada ketika itu Tun Besar sedang bermain sepak raga dengan kawan-kawannya. Tiba-tiba raga yang disepak oleh Tun Besar terkena daster Raja Muhammad lalu jatuh. Dengan tidak usul periksa lagi Raja Muhammad terus turun dari kudanya dan menikam Tun Besar hingga mati.

Setelah memerintah Pahang (kira-kira 6 tahun), Raja Muhammad yang bergelar Sultan Muhammad Syah itu mangkat di Dusun Pinang, Langgar, Pahang Tua. Pada batu nisannya terdapat catatan-catatan mengenai jurai keturunannya dan tarikh kemangkatannya. Tarikh tersebut ialah 16 Jamadil Awal Sanah Hijrah 880 atau bersamaan dengan 17 September 1475 Masihi.

Kesemua penampang pada batu nisan Sultan Muhammad Syah mengandungi tulisan dan penampang selatan pada batu nisan kepala yang bertulis Arab itu telah dapat dibaca dan terjemahannya bermaksud:

"Telah mangkat Sultan Muhammad Shah (yang telah mendapat kasih dari Tuhan) putera kepada Sultan Mansor Shah, putera kepada Almarhum Muhammad Shah (semoga semuanya telah mendapat belas kasihan dari Tuhan) pada malam Rabu hari ke enam belas dalam bulan Jamadil awal tahun lapan ratus lapan puluh hijrah".

Nisan kaki pada penampang selatannya ialah Ayat Kursi. Ianya berbunyi seperti berikut:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
فِي الْا
رْحَمَةِ مَنْ ذِي (دَا)
الذِي سِتْفَع
عِزَّةَ اِةِ بَا
نَه لَهْر مَا بِي
اَبْدِيهِمْ وَمَا
بِنَهْم وَلَا

Terjemahan bebasnya:

Ada di bumi, tiada sesiapa yang dapat memberi syafaat (pertolongan) di sisiNya, melainkan dengan izinNya, yang mengetahui apa yang ada di hadapan mereka dan apa yang ada di belakang mereka, sedang mereka tidak

Dalam tahun 1974 sewaktu kami mengadakan lawatan ke makam Sultan Muhammad Syah di Dusun Pinang, Pahang Tua itu seorang penduduk di-Kampung tersebut telah memberitahu kami bahawa di perkuburan besar yang letaknya kira-kira 300 meter dari Makam Sultan Muhammad itu terdapat lagi sepasang batu nisan bertulis. Nisan tersebut menurut beliau telah dipindahkan dari kuburnya yang asal, kerana di tapak kubur itu hendak didirikan rumah pam air. Jarak diantara rumah pam air dengan tanah perkuburan yang nisannya dipindahkan itu juga tidak begitu jauh iaitu kira-kira 100 meter sahaja.

Kami kemudian pergi melawat ke kawasan perkuburan besar untuk lihat nisan yang dikatakan bertulis itu. Kami dapati pasangan nisan hampir sama dengan batu nisan pada makam Sultan Muhammad Syah, cuma ia lebih kecil dan salah satu dari penampangnya kelihatan telah haus tulisan-tulisannya telah hilang sama sekali. Menurut informan kami batu nisan yang haus itu pernah digunakan sebagai pengasah parang seorang penduduk tempatan iaitu semasa nisan tersebut masih lagi di tempat makannya yang asal. Informan kami ^{itu juga} ~~untuk~~ mengatakan bahawa ia telah membaca tulisan pada batu nisan itu sebelum ianya dijadikan batu asah. Diantara perkataan-perkataan yang beliau masih ingat ialah Ibnu Muhamad.

Raja Ahmad ibni Muhammad itu barangkali juga sebahagian daripada Raja Ahmad ibni Al-marhum Sultan Muhammad Syah. Kalau ianya betul, tersebut adalah dari perkuburan Raja Ahmad putera Sultan Muhammad iaitu putera baginda yang tengah. Menurut sejarah Pahang pula Raja itu mangkat terlebih dulu dari kekanda baginda Sultan Abdul Jamil, Pahang yang mangkat pada tahun 1511/1512 Masihi.

Nisan Raja Ahmad ini juga menggunakan nisan batu Aceh. Bentuknya hampir sama dengan batu nisan Sultan Muhammad Syah. ←

Nisan Raja Ahmad ini masih memerlukan kajian yang lebih lanjut untuk memastikan kesahihannya. Lantaran itu dalam buku ini kami hanya menyebutnya sebagai batu nisan kubur besar, kerana mengambil sempena letaknya nisan tersebut.

Di Kompleks Makam Ziarat Raja Raden, Pekan, Pahang terdapat Makam Raja Fatimah. Ia menggunakan dua buah batu nisan dari jenis batu Aceh. Ukurannya agak kecil daripada batu nisan Sultan Abdul Jamil. Tinggi nisannya ialah 0.72cm., lebar penampangnya pula ialahcm. Nisan sebelah kepalanya ditulis dalam huruf Arab/Melayu. Bahasanya ialah campuran bahasa Melayu dan bahasa Arab. Inilah tulisan Jawi berbahasa Melayu yang tertua selepas batu bersurat Trengganu yang dapat dikesan sejauh ini di Malaysia.

Makam Raja Fatimah ini menjadi satu teka-teki yang sukar dijawab. Batu nisan bahagian kepala makam itu telah dijumpai di tepi tebing Sungai Pahang dekat Kampung Tebing Tinggi, Jerantut oleh seorang ketua masyarakat Minangkabau disitu pada awal kurun kedua puluh. Ia telah diserahkan kepada Sultan Ahmad (Sultan Pahang yang memerintah tahun 1914-1914M). Sehingga beberapa ketika batu nisan tersebut diletakkan perkarangan Istana baginda di Pekan. Kira-kira dalam tahun 1925 dipindahkan pula ke Komplek Makam Ziarat Raja Raden untuk melengkapkan nisan Raja Fatimah kerana disana ada sebuah lagi batu nisan yang

Tidaklah diketahui dengan jelas mengapa pasangan nisan itu bercerai iaitu satu di Tebing Tinggi dan satu lagi di Makam Ziarat Raja Raden. Kami yakin bahawa makam Raja Fatimah yang sebenarnya ialah terletak di Tebing Tinggi kerana tempat tersebut pada suatu ketika dulu pernah menjadi pusat pemerintahan Sultan Ahmad (Marh^y ^{asiki} Sheikh) dan juga Sultan Mansur Syah (Sultan Pahang keempat (1494-1519^M)). Tebing Tinggi juga terletak tidak jauh dari Lubuk Pelang (Bukit Ketupat sekarang) dimana sekarang ini terdapat makam Sultan Ahmad dan makam Sultan Mansur Syah I.

Mengenai siapakah yang sebenarnya menjadi suami Raja Fatimah, puteri Sultan Alauddin Riayat Syah Melaka ini juga masih menjadi satu tandatanya, sungguhpun dalam Bustanus-Salatin ada menyatakan bahawa Raja Fatimah pernah berkahwin dengan Sultan Mansur Syah I (Sultan Pahang ke IV - 1494-1519^M), Sultan yang makamnya terletak bersama dengan makam ayahandanya Sultan Ahmad di Lubuk Pelang itu. Makam itu terletak tidak begitu jauh dari Tebing Tinggi iaitu tempat dimana salah satu nisan Raja Fatimah seperti yang disebutkan tadi pernah dijumpai. Catatan dalam Bustanus-Salatin itu mungkin ~~itu~~ menasabah juga. Sejarah Melayu (suntingan Abdul Samad) pula menyebut bahawa Raja Fatimah pernah berkahwin dengan Raja Samad anak Raja Pahang, manakala Sejarah Pahang (W.Linehan) pula menyebut bahawa Raja Fatimah pernah berkahwin dengan Sultan Abdul Jamil, Sultan Pahang yang ketiga, memerintah Pahang dari tahun 1494-1511/12 Masihi. Keliruan tentang siapa yang sebenarnya suami kepada Raja Fatimah ini tentunya akan berterusan sehingga satu penemuan baru dibuat ataupun satu penyelidikan atau penelitian yang khusus dijalankan dengan serius.

Raja Fatimah mangkat pada 15 Shawal tahun Hijrah 900 iaitu bersamaan 7 Julai 1495 Masihi. Tarikh ini terukir dengan jelas pada batu

nisan sebelah kepala di makamnya. Tulisan-tulisan yang terpahat
di semua penampang di kedua batu nisannya itu diturunkan disini:

Nisan kepala penampang selatan (A) tertulis:

الفور

1. الهجرة النبي صلى
2. الله عليه وسلم
3. سييلن راتس تا
4. من ليم بلس هاري

Terjemahan bebasnya ke bahasa Malaysia bermaksud:

Tuhan yang maha pengampun

Hijrah Nabi S.A.W.

Sembilan ratus tahun

lima belas hari

Nisan kepala penampang timur (B) tertulis:

الموت باب العذاب والقبر صندوق العذاب

Terjemahannya:

Kematian adalah pintu menuju penderitaan dan kubur

adalah keranda untuk mengalami siksaan.

Nisan kepala penampang utara (C) tertulis:

طليل

1. بولن شوال
2. مالم اثنين را
3. فاطمه ج كسبا
4. ل كرحمتا ف

Terjemahan bebasnya berbunyi:

1. Bulan Syawal
2. Malam Isnin (Ra)(ja)
3. Fatimah J kembali
4. Ke Rahmatul Allah.

Nisan kaki, penampang selatan (A) tertulis:

1	لا اله الا الله
2	محمد رسول الله
3	خلقت من التراب
4	واله اموت وبعث

Terjemahan bebasnya:

1. Tiada Tuhan melainkan Allah
2. Nabi Muhammad adalah pesuruh Allah
3. Dijadikan dari tanah
4. dan kepadanya kembali dan mati

Nisan kaki, penampang timur (B) tertulis:

يا قارىء نامى بيا افلا تشغل عن طول الا مل

Terjemahan bebasnya:

Wahai Pembaca dalam binaan (bangunan) apakah tidak engkan sibuk mengejar cita-cita.

Nisan kaki penampang utara (C) tertulis:

الجلال:

A(IV)	1	عجبت لها لبا الدنيا
	2	والموت يطلب
	3	عجبت لها حب القمر
	4	والقمر منزله

Terjemahan bebasnya:

Yang Maha Besar

1. Aku hairan kepada orang mencari dunia
2. Walhal mati mencari-carinya
3. Aku hairan pada orang-orang yang mempunyai mahligai
4. Walhal kubur juga tempat bersemadinya.

Salah satu nisan yang bertarikh selepas abad ke 15, ialah nisan Sultan Abdul Jamil, ~~suami~~ kepada Raja Fatimah. Makamnya terletak juga di Kompleks Makam Ziarat Raja Raden di Pekan.

Menurut sejarah Pahang, Sultan Abdul Jamil mula memerintah negeri Pahang kira-kira pada tahun 1494, iaitu selepas ayahanda baginda ~~ialah~~ Sultan Ahmad turun dari takhta kerajaan Pahang secara sukarela kerana terhina lantaran perbuatan Hang Nadim melarikan Tun Teja, anak Bendahara Pahang. Satu lagi peristiwa yang memalukan baginda ialah apabila gajah kenaikan baginda dilarikan oleh orang besar Melaka ke Melaka. Peristiwa-peristiwa ini ada disebutkan dengan jelas dalam sejarah Pahang dan juga Sejarah Melayu (Sulalatus-Salatin).

Sultan Ahmad yang turun dari takhta kerajaan Pahang itu kemudiannya mengasingkan diri ke Lubuk Pejang, dan semasa disanalah bekas Sultan itu melantik pula putera baginda yang bernama Raja Mansor menjadi Sultan Pahang dengan gelaran Sultan Mansor Syah. Jadi ada dua orang Sultan yang memerintah Pahang ketika itu.

Pemerintahan kedua-dua orang Sultan di Pahang pada masa yang sama itu tidaklah menjadi masalah ataupun menimbulkan perselisihan faham antara kedua mereka. Ini terbukti bila kedua-dua Sultan Pahang itu sama-sama bermuafakat menentang serangan angkatan tentera Ligor yang datang menyerang Pahang dalam tahun 1500 Masihi.

Dalam tahun 1511, Melaka telah dialahkan oleh Protugis yang datang dari barat. Sultan Mahmud yang memerintah Melaka terpaksa mengundurkan diri ke beberapa tempat dan akhirnya baginda pergi ke Pahang. Waktu Sultan Mahmud Syah di Pahang itulah kira-kira pada tahun 1511/12, mangkatnya Sultan Abdul Jamil. Baginda dimakamkan di Makam Ziarat Raja Raden. Dalam Bustanus-Salatin, makam tersebut disebut Makam Ziarat yang letaknya di Pekan Lama, tidak jauh dari bandar Pekan sekarang.

Makam Sultan Abdul Jamil telah dikenalpasti kerana pada batu nisannya ada terukir nama baginda dan juga tarikh kemangkatannya, iaitu 917 Hijrah iaitu bersamaan dengan tahun Masihi 1511/12. Nisan tersebut ada terdapat sedikit kekeliruan kerana ada tercatat juga nama Abdul Jalil. Ini menurut pendapat ahli-ahli sejarah, mungkin disebabkan tersalah pahat. Batu nisan tersebut juga dipercayai telah dibuat di Aceh.

Tulisan-tulisan yang terpahat pada batu nisan Sultan Abdul Jamil, Sultan Pahang ketiga dari zuriat Kesultanan Melaka itu telah dibaca oleh Linehan dengan kerjasama Engku Abdul Hamid bin Abdul Majid, seorang pengkaji sejarah dari Johor waktu itu. Tulisan-tulisan tersebut di-

nantikan semula disini.

Nisan kepala penampang selatan (A) tertulis:

العزيز العبار العنكر سبحانه اذ عما يشركون
موافه العالق الباري المنصور نه الا
سا العنى سبع له مامو. السموات والارض وهو العر بر العكيم

Terjemahan bebas kami:

1. Yang maha perkasa, yang gagah, yang tinggi kejayaan Tuhan adalah lebih dari mereka yang ingin bersatu denganNya.
2. Dia ialah Tuhan yang ^{geluar}menjelarkan, pencipta dan pereka, semuanya adalah milekNya.
3. Gelaran yang mulia, apa sahaja di syurga dan di dunia memujinya. Dialah yang perkasa dan bijaksana.

Nisan kepala penampang timur (B) tertulis:

1. يعلم ما بين ايديهم وما خلفهم ولا يحيطون بشيء من علمه الا بما
2. وسع كرسيه السموات والارض
3. ولا يؤده حفظهما وهو العلي العظيم

Terjemahan bebasnya:

1. Dia (Allah) mengetahui apa-apa yang dihadapan mereka, di belakang mereka, dan mereka tidak mengetahui apa-apa dari ilmu Allah, melainkan apa yang dikehendaknya.
2. Kursi (kekuasaan) Allah meliputi langit dan bumi.
3. Dan Dia (Allah) tidak merasa berat memelihara (keluarga) dan Dia (Allah) Maha Tinggi lagi Maha Berkuasa.

Nisan kepala penampang utara (C) tertulis:

1. هوذا الذي لا اله الا هو عالم الغيب
2. والشهادة هو الرحمن الرحيم هو الله الذي لا اله الا هو الملك القدوس السلام المؤمن المهيمن
- 3.

Terjemahan bebasnya:

1. Dialah Allah dan tiada Tuhan (yang lain) dariNya, Dia maha mengetahui apa yang ghaib.

Dan yang kelihatan, Dialah yang maha pemurah lagi maha penyayang.

Dialah Raja, Yang Maha Suci, Yang Aman Sejahtera.

Nisan kepala penampang barat (D) tertulis:

1. اذ لا اله الا هو الحي القيوم
2. لا تأخذه سنة ولا نوم له ما في السموات وما
3. وما في الارض من ذالذي يتبع عنده الا بادن

Terjemahan bebasnya:

1. Tuhan! Tiada Tuhan selain Dia, yang hidup, yang abadi
2. Yang tetap hidup, yang kekal dan yang tidak mengantuk usahkan tidur. Dia adalah segala-galanya di syurga.
3. dan di Dunia. Siapakah yang dapat mengatasinya kecuali dengan kebenarannya.

Nisan kaki penampang selatan (A) tertulis:

1. مَذَافِرُ الْجَمِيلِ الْجَلِيلِ لِلْمُرْخِ عَبْدِ الْجَلِيلِ
2. الْمُنْتَقَلِ مِنْ دَارِ الدُّنْيَا إِلَى دَارِ الْآخِرَةِ السَّابِعِ عَشْرَ وَتِسْعِينَ
3. مِنْ اِتِّقَالَ خَيْرِ الْبَرِيَّةِ عَلَيْهِ اَفْضَلُ الصَّلَوَاتِ وَارْكَى التَّحِيَّتِ

Terjemahan bebasnya:

1. Kubur ini adalah makam Sultan Abdul Jamil (Abdul Jalil)
2. Baginda telah berpindah (mangkat) dari alam dunia ke alam akhirat pada tahun 917 Hijrah (tahun Masihi 1511/12)

Perpindahan ini adalah sebagai tanda...

Terjemahan bebasnya:

1. Maut merupakan satu pintu yang mesti ditempuh oleh setiap insan.
2. Syurga ada sekiranya amalan kebajikanmu diredhai Allah
3. Sekiranya aku melampui batas api nerakalah tempatnya.

Nisan kaki penampang utara (C) tertulis:

- 1 الا انما الدنيا فانا ليس الدنيا نبوت
- 2 انما الدنيا كبيت نسجتها العنكبوت منها ولقد كفى ك
- 3 ايها الظاعن قوت وقليل العمر فيها لك مهوم

Ayat ini telah disusun semula oleh W. Linehan sebagai berikut:

- | | |
|-----------------|------------------------|
| ليس الدنيا نبوت | 1 الا انما الدنيا فانا |
| سجتها العنكبوت | 2 انما الدنيا كبيت |
| ولقد كفى ك | 3 ايها الظاعن منها |
| لك مهوم صوت | 4 وقليل العمر فيها |

Terjemahan bebas kami:

1. Wahai (ingatlah) sesungguhnya dunia ini fana tiadalah ia akan kekal.
2. Sesungguhnya dunia ini umpama sarang yang ditenun oleh labah-labah.
3. Hai mereka yang akan berpisah dengan dunia, memadailah dengan apa yang telah engkau perolehi.
4. Dalam usianya yang terlalu pendek, engkau dirundungi oleh duka nestapa.

Nisan kaki penampang barat (D) tertulis:

- 1 ما ملان ماللناس غيرهما فاخر لنفسك
- 2 اى الدار تختار ماللعالمين سوى
- 3 ذوكرم وان هفوا هفوة فالرب الغفار

Menurut W. Linehan ayat tersebut sepatutnya disusun begini:

- 1 ما ملان ماللناس غيرهما فاخر لنفسك اى الدار تختار
- 2 ما العالمين سوى الغفار ذوكرم. وان هفوا هفوة فالرب الغفار

1. Tidak ada tempat melainkan yang dua ini untuk semua manusia
2. Tidak yang lain melainkan Allah yang maha penyayang lagi memaafi.

Di sisi makam Sultan Abdul Jamil terdapat sebuah lagi makam yang belum dapat dikenalpasti. Menurut cerita lisan yang diperolehi dari penduduk-penduduk tempatan ianya adalah makam salah seorang dari keluarga Sultan Abdul Jamil. Dalam buku ini kami menamakannya "Makam Ziarat 3", iaitu untuk memudahkan kajian bila makam tersebut disebut dalam apa juga teks yang berkaitan. Kesemua penampang pada batu nisan tersebut telah diukir dengan tulisan yang begitu indah. Tulisan-tulisan pada batu nisan tersebut adalah seperti berikut:

Nisan kaki, penampang utara bertulis:

لا اله الا الله
 1. وفارقوا الا اهل والا وطان وانتم
 2. وكما يدور الليل ولا حيران كما زما
 3. المال بشر كان عيب طاهر والفقير يظهر كالي عيب سائر

Terjemahan bebasnya adalah seperti berikut:

Tiada Tuhan melainkan Allah

1. Berpisahlah dengan kaum keluarga, tanah air dan berdaganglah kamu.
2. Malam menyembunyikan duka nestafa
3. Harta menutup segala keaiban dan kemiskinan menzahirkannya.

Tulisan di nisan kepala penampang utara adalah seperti berikut:

لا اله الا الله
 1. قل اللهم مالك الملك توحي الملك من شاء وترفع
 2. الملك من شاء وترفع من شاء وترفع من شاء
 3. كل من شاء توحي الملك من شاء توحي الملك من شاء

Terjemahan bebasnya adalah seperti berikut:

1. Katakanlah: Ya Allah yang mempunyai takhta (takhta). Kami kurniakan nya kepada sesiapa diantara kamu dan kamu ambil.
2. Takhta yang dari sesiapa dari kamu yang telah diamanahkan. Kami cemerlangkan sesiapa yang diamanahkan dan kami rendahkan diri kepada sesiapa yang diamanahkan. Semua kebaikan adalah ditangan kamu. Sebenarnya kami
3. Mempunyai kuasa diatas segala-galanya. Kami menyebabkan malam berlaku menjadi hari dan kami juga menyebabkan hari bertukar malam.

Tulisan di nisan kepala penampang selatan adalah seperti berikut:

لا اله الا الله
شهادة انه لا اله الا هو الملك والملكوت والاولوا
في العلم والى ما لا يسطر الا اله الا هو العزيز
الملك ان الدين عندنا الاسلام

terjemahan bebasnya adalah seperti berikut:

Tiada Tuhan melainkan Allah

Allah telah menyatakan bahawa tiada Tuhan selain daripadaNya, telah mengaku pula Malaikat dan orang-orang yang berpengetahuan, sedangkan Allah Taala itu berdiri dengan adilnya.

Tiada ~~ada~~ Tuhan selain daripadaNya, ia perkasa lagi bijaksana. Sesungguhnya agama di sisi Allah itu adalah agama Islam.

kaki penampang selatan juga mengandungi tulisan tetapi usaha untuk mengetahwi apa yang tersurat padanya masih lagi belum il.

tidak jauh dari kompleks Makam Zairat Raja Radin terdapat sebuah kompleks makam yang disebut Makam Nibong, atau dikenali juga sebagai bambuni, disitu ada tujuh buah makam yang menggunakan nisan batu teranyanya terdapat sebuah makam yang nisannya bertulis, tetapi mencatatkan nama dan juga tarikh meninggalnya. Menurut Sejarah nisan yang bertulis itu dipercayai makam Sultan Zainal Abidin, dan Pahang yang mangkat pada kira-kira tahun masihi 1550.

Sultan Zainal Abidin dikatakan dibunuh oleh seorang putera baginda yang dikenali dalam sejarah sebagai "Putera yang jahat laku", nama ~~yang~~ sebenar putera tersebut tidak diketahui dengan jelas. Tulisan-tulisan pada batu nisan tersebut adalah seperti berikut:-

Nisan kepala penampang utara, tertulis seperti berikut:

لا اله الا الله
1 هو الله الخالق البارئ المصور له ال
2 اسماء الحسنى له ما فى السموات
3 والارض وهو العزيز الحكيم

Terjemahan bebas seperti berikut:

Tiada Tuhan melainkan Allah

1. Dia Allah maha pencipta yang memiliki
2. Isma al-ihsan baginya apa yang terdapat di langit dan dibumi.
3. dan Dialah yang maha mulia lagi maha bijaksana.

Nisan kepala penampang selatan tertulis seperti berikut:-

محمد رسول الله
1 شهد الله ان لا اله الا هو والملائكة
2 واولوا العلم قايما بالحق الا اله
3 الا هو العزيز الحكيم

Terjemahan bebasnya adalah seperti berikut:-

Muhammad adalah Rasul Allah

1. Allah telah menyatakan bahawa tiada Tuhan selain daripadanya, telah mengaku pula Melaikat
2. dan orang-orang yang berpengetahuan, sedangkan Allah Taala berdiri dengan adil.

3. Tiada Tuhan selain daripadanya, ia perkasa lagi bijaksana.

Nisan kaki penampang utara tertulis seperti berikut:

والموت باب

- 1- الموت باب وكل الناس داخله
- 2- الموت كاس وكل الناس شارب
- 3- الناس نيام فاذا ماتوا انتبهوا

Dan kematian itu adalah pintu

1. Kematian adalah pintu dimana semua manusia akan masuk
2. Kematian adalah gelas darinya semua manusia minum
3. Manusia tidur semasa mereka hidup tetapi mereka jaga apabila mereka mati.

Nisan kaki penampang selatan tertulis seperti berikut:-

وكل الناس داخله

- 1- حكم الميت في البريت جاري
- 2- ماخذ الدنيا بدار قرار
- 3- الناس نيام فاذا ماتوا انتبهوا

Terjemahan bebas seperti berikut:

Dimana semua manusia masuk

Maut telah ditentukan kepada semua makhluk dan ianya tidak dapat dielakkan.

Dunia ini tidak akan kekal selama-lamanya.

Manusia ini tidur semasa mereka masih hidup, tetapi mereka terjaga apabila sudah mati.

Di Sayong Pinang, daerah Kota Tinggi, terdapat makam Raja Sulaiman putera Sultan Mansur Syah. Raja Sulaiman mangkat di Sayong Pinang selepas berundur dari Melaka pada tahun 1511. Kemangkatan baginda itu dipercayai sebelum Sultan Mahmud Syah berpindah ke Bentan. Tulisan-tulisan yang terdapat pada batu nisan itu menurut pendapat Engku Abdul Hamid bin Engku Abdul Majid (Tawarikh Johor, 1950 : 10 dan A History of Johore, 1932: 21) adalah seperti berikut:

Terjemahan bermaksud:

"Inilah makam Sulaimah Shah Ibni Sultan Mansor Syah Ibni Sultan Muzaffar Shah".

Penampang utara nisan kepala makam itu berbunyi:

كُلُّ شَيْءٍ هَالِكٌ إِلَّا وَجْهَهُ
هَذَا الْقَبْرُ الْمَرْحُومِ سُلَيْمَانَ شَاهِ ابْنِ سُلْطَانَ
مَنْصُورِ شَاهِ ابْنِ سُلْطَانَ مَظْفَرِ شَاهِ

Penampang utara nisan kepala tertulis dengan Ayat Kursi:

يا الله بارحمن بارحيم
اذا لاله
الا هو الحي القيوم
لانا خذنه سنة ولا نوم له ما في
السوات وما في الارض من ذ
الذي يشفع عنده الا باذنه

Penampang utara nisan kaki ditulis dengan sambungan dari Ayat tadi kursi
yang berbunyi:

ان الله قوي عزيز	400
يعلم ما بين ايديهم	400 1
وما خلفهم ولا يحيطون بشيء	" 2
من علمه الا بما شا وسع كرسيه	" 3
السوات والارض ولا	" 4
يوده حملها وعر العلى العظيم	" 5

Maksudnya:

Disamping batu-batu bersurat yang tersebut tadi telah ditemui
beberapa buah batu bersurat lain tetapi sehingga hari ini batu-
itu masih belum lagi dapat ditentukan tarikhnya kerana kesemuanya
tidak mengandungi tarikh kecuali tulisan-tulisan khat yang indah.
Setengah-setengah batu nisan itu telah dikaitkan dengan tokoh-
tokoh dalam sejarah tempatan, contohnya seperti Makam Nang Cayang,
orang Raja perempuan Patani yang mangkat di Kelantan, Makam Sultan-
tan Kedah di Kota Siputih (Abad ke 14 hingga 16), Makam Tujuh di-
Pinang (abad ke 16), Makam di Kompleks Laksamana Bentan, Kg.
tan, Kota Tinggi (1600-1699), Makam Condong di Pekan (1600-1650W),

Makam lama di Kuala Pahang (1500-1600M), Makam Seberang Tok Soh
(1400-1500M), Makam Tok Pasai, Kuala Kedah (1500-1600M), Makam Tok
Temong, Kuala Kangsar (1500-1550M), Makam-makam berusia tua di-
Kompleks Makam diraja Langgar, Kedah dan lain-lain lagi.

(iii) EPIGRAFI ISLAM DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Jumpaan beberapa buah makam lama yang mempunyai tarikh yang agak awal di Negara Brunei Darussalam sejak akhir-akhir ini telah menjadi satu bukti yang kukuh tentang dakwaan setengah-setengah ahli sejarah tempatan yang mendakwa bahawa agama Islam yang datang ke Nusantara ini telah lebih dulu sampai ke Brunei Darussalam dan penyebar serta pendakwah Islam itu datangnya dari arah selatan Negeri China melalui Vietnam dan Kemboja.

Penyelidikan -penyelidikan yang dibuat oleh pihak Jabatan Muzium Brunei dan juga Pusat Sejarah Brunei telah menghasilkan penemuan beberapa buah makam orang Islam yang mempunyai tarikh yang agak awal. Bukti-bukti ini tentunya akan mendorong satu pemikiran baru untuk menganalisis semula sejarah kedatangan Islam ke rantau Nusantara ini.

Diantara makam-makam Islam yang berusia tua yang telah dijumpai itu Makam Puteri (Makhdarah atau Raqayah) yang bertarikh tahun hijrah 440 (1048^{asiki}) yang terletak disebuah kawasan perkuburan di Jalan Residency, Bandar Seri Begawan. Tulisan-tulisan pada kesemua penampang batu nisan tersebut telah dapat dibaca (Abdul Latif Ibrahim 1979: 6-9).

Tulisan-tulisan adalah seperti berikut:

فخر النساء المخذ بنت على نرمان (?)

Fakhr(?) seorang perempuan Makdarah binti (?) 'Al1 ('Ala) (?).

Tulisan dibahagian atas:

الكنينة وهي مائة (?)

Alkunainah iaitu seratus(?)(?)

Tulisan bulat ditengah:

(تم) هجرة من النبي صلى الله عليه وسلم

Ta()-400, Mim ()-40(440)(?) dari hijratun Nabi

Sallallahu 'Alaihi Wassalam.

Tulisan tengah bawah:

.... سلطان عبد المجيد ابن محمد شاه السلطان .

..... Sultan Abdul Majid anak Muhammad Syah Al Sultan.

Catatan-catatan yang terdapat pada batu nisan tersebut dengan jelas membuktikan bahawa ianya adalah makam seorang perempuan Islam yang bernama Makdarah (Raqayah) keturunan daripada Sultan Abdul Majid, yang meninggal dunia pada tahun hijrah 440 (tahun Masihi 1048). Siapa Makdarah atau Raqayah ini dan siapa pula yang bergelar Sultan Abdul Majid itu masih belum lagi dapat dipastikan, dengan jelas, kerana dalam kronikal Kesultanan Brunei tidak terdapat nama Sultan Abdul Majid.

Dalam sejarah Kesultanan Brunei, sultan yang pertama memerintah Brunei ialah Sultan Muhammad bermula pada akhir abad ke 14 atau awal abad ke 15.

Di Kompleks perkuburan Kampung Limbungan, pihak Jabatan Muzium Brunei telah menemui sebuah lagi makam yang mempunyai tarikh tahun Hijrah 821 (1418M^{asiki}). Makam yang dianggap bertarikh awal itu juga masih belum dapat dikenalpasti siapa penghuninya kerana tidak terdapat sebarang nama pada batu nisan tersebut.

Sebuah lagi makam lama yang telah dijumpai ialah dikawasan perkuburan Islam Rongas di pinggir Bandar Seri Begawan. Nisannya bertulis huruf China, menyebutnya sebagai nama F'u-kung bertarikh 1264 Masihi. Tuan F'u-kung mungkin seorang pedagang berbangsa China yang beragama Islam. Siapa Tuan F'u-kung juga tidak diketahwi dengan pasti. Kajian yang lanjut mungkin dapat mengatasi kerumitan tersebut.

Di dalam kawasan Muzium Brunei di Kota Batu terdapat sebuah makam yang bertarikh tahun Hijrah 836 (1432M^{asiki}) yang ditulis dalam huruf Jawi berbahasa Melayu dan Arab. Pada nisannya juga tidak tercatat sebarang nama.

Sementara itu di Pulau Luba yang terletak di pinggir Sungai Brunei terdapat sebuah lagi kompleks makam Diraja Brunei. Salah sebuah nisan di makam itu bertulis dengan tarikh tahun Hijrah 828 (1428M^{asiki}) yang juga menggunakan tulisan Jawi berbahasa Melayu dan juga Arab.

Bukti-bukti epigrafi di Negara Brunei Darussalam boleh memberikan kita fakta-fakta baru dalam usaha untuk menulis semula sejarah kedatangan Islam ke Nusantara ini. Perkara ini harus diberikan perhatian yang serius oleh pakar-pakar sejarah tempatan. Penemuan makam-makam lama yang bertarikh awal di Negara Brunei Darussalam itu akan dapat membantu ke arah tersebut. Dalam hubungan ini kita tidaklah seharusnya bergantung selamanya kepada pendapat-pendapat pakar-pakar sejarah dari Barat yang selama ini banyak mempengaruhi apa juga bentuk penulisan sejarah dan budaya Timur, sehinggakan kita terikut-ikut dengan pendapat-pendapat mereka. Lantaran itu kita sendiri agak begitu sukar melepaskan diri dari ikatan warisan penjajah yang telah sekian lama tertanam di jiwa kita. Terjadinya demikian adalah kerana kita sendiri tidak bersungguh-sungguh dalam menjalankan kajian dan penelitian yang dapat menghasilkan satu penulisan yang bersungguh-sungguh^{dan} bertanggungjawab berdasarkan fakta-fakta yang konkrit dan jitu yang boleh diterima oleh semua pihak.

BAB 5

KANDUNGAN TULISAN PADA BATU-BATU BERSURAT:
SATU ANALISIS

Dari pengamatan kami terhadap semua batu-batu bersurat yang telah ditemui setakat ini kami boleh membuat kesimpulan bahawa hampir 98% dari batu-batu bersurat itu adalah terdiri dari batu-batu nisan. Selebihnya adalah batu-batu tanda atau peringatan yang menyangkut tentang sesuatu peristiwa ataupun peraturan-peraturan mengenai agama yang sepatutnya diketahwi oleh penduduk-penduduk setempat di lokasi yang berkenaan.

Kami juga mendapati bahawa hampir 95% batu-batu nisan itu adalah terdiri dari batu nisan jenis Aceh atau batu Aceh. Berbanding dengan batu-batu nisan yang lain, batu Aceh mempunyai peranan yang penting dalam sejarah seni perkuburan di Nusantara ini. Perkara ini telah di sentuh dengan panjang lebar dalam tesis Ph.D *Dr. Othman Mshd. Yatin* yang telah dikemukakan ke Jabatan Anthropologi, Universiti Durham, England dalam tahun 1985.

Tulisan-tulisan yang terpahat pada batu-batu nisan ini amat penting. Ianya merupakan satu catatan sejarah yang sah. Melaluinya kita dapat mengetahwi jurai keturunan raja-raja yang pernah memerintah beberapa buah negeri di Nusantara ini. Ianya juga memaparkan fikiran-kikiran yang wujud di zaman tersebut disamping ianya sendiri merupakan buah hasil pertukangan tangan yang amat tinggi mutunya.

Satu lagi perkara yang amat menarik mengenai epigrafi ini ialah ianya membuktikan tentang kewujudan unsur Sufisme di tanah air kita lebih awal dari yang disangkakan oleh dua orang pakar sejarah pasangan suami isteri iaitu B.W. & L.Y. Andaya (1982:53). Mereka telah mengatakan bahawa tidak ada pengaruh Sufi di-Semenanjung Malaysia di zaman Melaka (1400-1511). Mereka membuat andaian yang demikian mungkin kerana dalam zaman Melaka tidak terdapat bahan-bahan bertulis bercorak Sufisme sebelum kemunculan Hamzah Fansuri di Aceh dan tersebarnya pengaruh tulisan beliau ke Melaka dalam abad ke 16 Masihi.⁽¹⁾ Andaian mereka itu mendapat sokongan seorang lagi sarjana barat bernama Milner (1983:41) yang mengatakan bahawa andainya ingin dicari bukti-bukti Sufisme dalam bentuk tulisan di kalangan istana Pasai dan Melaka memang tidak akan ditemui.

Bab ini bertujuan untuk membuktikan bahawa memang telah ada unsur-unsur Sufisme di Semenanjung Malaysia ini, khususnya di zaman Melaka lagi, sekurang-kurangnya sejak akhir kurun ke 15 Masihi lagi. Perkara ini mungkin tidak disedari oleh penulis-penulis yang tersebut diatas tadi kerana kajian mereka adalah berdasarkan kepada sumber-sumber bertulis (kertas) dan merupakan sumbangan yang boleh dimainkan oleh bidang epigrafi dalam kajian mengenai perkara-perkara yang menyangkut zaman silam. Kajian kami terhadap tulisan-tulisan dan ragamhias atau dekorasi yang terdapat pada sejenis batu nisan lama yang dalam buku ini kami sebut sebagai batu Aceh, membuktikan bahawa tulisan-tulisan dan dekorasi tertentu yang terukir pada batu-batu nisan tersebut memang mengandungi unsur-unsur Sufisme, ataupun sekurang-kurangnya boleh diberi tafsiran sebagai mengandungi makna-makna yang berunsur Sufisme.

Batu Aceh

Tulisan-tulisan pada batu Aceh iaitu sejenis batu nisan seperti yang dihuraikan diatas yang contoh-contohnya kini masih dapat dilihat di beberapa buah makam diraja di Pahang, Kedah, Perak dan Johor adalah menjadi bukti yang unggul mengenai kehadiran unsur-unsur Sufisme di negara kita ini. Mengikut kajian mutakhir batu-batu nisan itu telah diperbuat di Pasai dan Aceh, sekurang-kurangnya sejak akhir kurun ke 13 Masihi lagi. Contohnya yang terawal ialah batu nisan Sultan Malik al-Salleh di Pasai. Pada salah satu batu nisan yang terdapat di makam tersebut terukir tarikh 1297 Masihi. Pengaruh penggunaan batu nisan jenis ini hanya sampai ke Semenanjung Malaysia pada tahun 1475 Masihi iaitu berdasarkan kepada tarikh yang terukir pada batu nisan Sultan Muhammad Shah, Pahang, yang terdapat di Dusun Pinang, Pahang Tua, Pahang. Kami menjangka batu-batu nisan jenis ini yang mempunyai tarikh lebih awal dari batu nisan Sultan Muhammad Shah itu, pernah wujud ataupun mungkin masih belum ditemui, khususnya di Melaka, berdasarkan hubungan intim, panjang dan berterusan di antara Melaka dengan Pasai dan Aceh di zaman silam. Satu andaian lain yang boleh dikemukakan tentang mengapa tidak terdapatnya batu-batu nisan Aceh sebelum tahun 1475 Masihi ialah kerana kebanyakan batu-batu nisan tersebut telah dimusnahkan semasa pendudukan Portugis di Melaka.

Kita mempunyai catatan-catatan sejarah yang dapat menyokong andaian tersebut. Tome Pires, seorang Akauntan Portugis yang datang ke Melaka dalam tahun 1512, iaitu setahun selepas Melaka jatuh ke tangan Portugis, telah menulis dalam bukunya Suma Oriental (Cortesao, 1914:11:286, Hall 1976:213) perihal bagaimana pihak berkuasa Portugis

dalam usaha mereka untuk mempertahankan Melaka dari serangan Sultan Melaka yang telah dialahkan dan juga dari Aceh untuk menawan semula Melaka, terpaksa membina kota-kota pertahanan. Dikatakan bahawa bahan-bahan yang telah digunakan untuk membina kota itu yang kini dikenali sebagai A Famosa adalah terdiri dari batu-batu yang terdapat pada makam-makam diraja, masjid negeri dan istana-istana raja Melaka yang mereka musnahkan. Dua buah batu nisan, masing-masing kepunyaan Sultan Muzaffar Shah dan Sultan Mansor Shah yang telah mangkat dalam tahun 1477 Masihi telah ditemui berhampiran dengan runtuhannya kota A Famosa itu selepas sebahagian darinya diletupkan oleh Col. Farquhar dalam tahun 1821 (Irwin, 1983:783). Abdullah Munshi (Hill, 1970:62) yang menyaksikan kejadian itu melaporkan bahawa selepas ledakan besar yang menghairankan orang-orang Melaka itu, kelihatan batu-batu dari kota itu berkecai dan berterbangan ke banyak arah dan ada diantaranya yang jatuh ke laut. Kini kita telah kehilangan, buat selama-lamanya, bukti-bukti sejarah itu kerana laut yang berhampiran dengan kota A Famosa telah ditambus melalui proses tebus-guna tanah di Melaka.

Pengenalan Sufisme ke Alam Melayu

Pengenalan dan pengukuhan Islam di Alam Melayu ini sering dikaitkan dengan peranan yang dimainkan oleh orang-orang Sufi, tetapi sehingga kini tidak terdapat keserataan pendapat sarjana mengenai bilakah sebenarnya pengaruh Sufi itu tiba ke sini. Snouck Hurgronje (1906, II:9-10) mengatakan bahawa semacam bentuk mistik (Sufisme) telah diperkenalkan di Alam Melayu ini serentak dengan pengenalan Islam.

Sementara A.H. Johns (1961:23) pula disamping mengingatkan kita kepada kepentingan pergerakan Sufi di dunia Islam mulai abad ke 13 Masihi, mengandaikan bahawa mulai abad ke 13 Masihi ini juga Islam mula bertapak di Alam Melayu ini. Tarikh kurun ke 13 yang dikemukakannya itu adalah berdasarkan kepada tarikh yang terukir pada batu nisan Sultan Malik al-Salleh, Sultan Pasai pertama yang memeluk agama Islam dan mangkat dalam tahun 1297 Masihi, tetapi beliau tidak pula mengaitkan tarikh tersebut dengan unsur-unsur Sufisme yang terkandung dalam tulisan yang terpahat pada batu-batu nisan yang terdapat pada makam Sultan Malik al-Salleh itu.

Dengan bukti epigrafi tersebut (batu nisan Sultan Malik al-Salleh) kami berpendapat bahawa unsur-unsur Sufisme telah wujud di Alam Melayu ini sejak akhir abad ke 13 Masihi lagi dan kemudiannya berkembang pula ke Semenanjung Malaysia selewat-lewatnya di suku akhir abad ke 15 Masihi.

Tulisan-tulisan Berunsur Sufisme Pada Batu Aceh

Dari sejumlah 213 pasang batu Aceh yang telah ditemui dan masih terdapat bertaburan di Semenanjung Malaysia ini 109 daripadanya mengandungi tulisan. Kandungan tulisan-tulisan tersebut boleh dibahagikan kepada empat kategori terbesar iaitu:

1. Petikan-petikan dari al-Quran
2. Dua kalimah shahadah
3. Ungkapan-ungkapan bersajak atau puisi
4. Ungkapan semacam pantun/seloka (quatrain)

Kesemua tulisan-tulisan tersebut telah diukir secara gurisan atau tebukan ataupun secara tulisan timbul.

Petikan-petikan dari al-Quran

Dari jumlah 109 buah batu nisan Aceh yang diukir dengan tulisan itu 38 daripadanya telah diukir dengan petikan-petikan dari al-Quran. Ayat-ayat yang telah dipilih terdiri dari Surah 2:255, Surah 3:17, 18, 19, 25, 26, 27 dan 185, Surah 9:128 dan 129, Surah 10:162, Surah 20:55, Surah 21:35, Surah 28:88, Surah 29:57, Surah 55:26, 27, dan 28 dan Surah 59: 21, 23 dan 24.

Adalah diperhatikan bahawa surah-surah tersebut tidak dipetik secara keseluruhannya, kadang-kadang terdapat dua atau tiga baris ayat dari Surah-surah yang berasingan pada batu nisan yang sama. Didapati juga bahawa oleh kerana kesuntukan ruang pada sesuatu batu nisan itu terdapat petikan ayat yang terputus secara mengejut tetapi sambungannya terdapat di permukaan yang lain pada batu nisan yang sama.

Jika petikan itu agak panjang, misalannya Surah 2:255, ia di-mulai pada batu nisan yang biasanya diletakkan pada bahagian kepala kubur dan diakhiri pada batu nisan yang terdapat pada kaki kubur.

Surah-surah 3:18, 21:35 dan 29:57 kesemuanya mempunyai pengertian yang serupa iaitu 'Setiap yang bernyawa pasti akan merasai mati'. Petikan ini terdapat pada 8 buah nisan. Dua buah batu nisan yang lain telah diukir dengan petikan dari Surah 2:255 iaitu Ayat al-Kursi, sementara petikan dari Surah 28:88 terdapat pada 2 buah nisan lagi. Surah 28:88 mempunyai erti lebih kurang berbunyi "Kamu jadikan Tuhan dan kepadanya kamu akan dikembalikan".

Jika diamati isi kandungan petikan-petikan dari al-Quran itu kita dapati kesemuanya mempunyai tema yang sama iaitu penekanan kepada hakikat bahawa "Hanya Allah yang ujud dan Dia menentukan destini setiap manusia" iaitu satu fakta yang dianggap oleh Archer (1937:7) sebagai salah satu ciri-ciri terpenting dalam doktrin Sufi. Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1963:20) pula menambah bahawa kepada orang-orang Sufi keujudan manusia secara individu adalah tidak bebas kerana keujudannya dan semua benda adalah bergantung kepada Allah. Manusia datang dari Tuhan dan kepadanya mereka akan kembali.

Archer (1937:7) setetusnya berpendapat bahawa sumber utama kepada doktrin Sufi ialah al-Quran. Beliau mengambil contoh Surah-surah 28:88, 55:26 dan 2:109. Kedua-dua Surah 28:88 dan 55:26 memang terukir pada beberapa buah batu Aceh yang telah ditemui di Semenanjung Malaysia ini. Surah 28:88 bererti diantara lain "Setiap benda akan hancur (halik) kecuali muka Allah", sementara Surah 55:26 mempunyai erti lebih kurang "Setiap yang ada di muka bumi ini akan mati (fani) tetapi muka Allah akan kekal selama-lamanya". Petikan-petikan tersebut turut menegaskan lagi kepada kemutlakkan Allah yang dihuraikan di dalam al-Quran sebagai satu (Ahad). Doktrin ini, sambung S.M.N. al-Attas lagi adalah jelas menunjukkan bahawa Allah kepada orang-orang Sufi adalah satu keujudan yang dinamik, sentiasa menyedari kemungkinan kreatifnya yang berterusan seperti yang dihuraikan di dalam Surah 2:255 sebagai "yang tetap abadi, yang kekal dan yang tidak mengantuk usahkan tidur" (Syed Muhammad Naquib Al-Attas, 1967:25-26). Seterusnya, Bousfield (1983: 103) yang merupakan pengikut Syed Muhammad Naquib Al-Attas,

menambah bahawa dari petikan-petikan dari al-Quran itu kita akan dapati keseluruhan kosmologi orang-orang Sufi.

Dua Kalimah Shahadah

Kajian saya juga mendapati bahawa sejumlah 41 pasang batu Aceh yang telah diukir dengan tulisan yang terdiri dari dua kalimah shahadah sebagai ragamhias utamanya. Ianya telah samaada diukir dengan ayat yang lengkep iaitu La ila ha illallah Muhamad ar Rasul Allah ataupun hanya La ila ha illallah sahaja.⁽⁴⁾ Seperti yang diketahui umum ungkapan terakhir itu adalah sejenis zikir, yang biasanya diulang-ulang dengan nada yang tertentu. Ianya telah digunakan oleh golongan Sufi sebagai satu ritual atau cara untuk mendekatkan diri mereka kepada Allah. Dalam masyarakat kita dengan mengucap dua kalimah shahadah kita mengamui keEsaan Allah (tauhid). Lantaran itu setiap bayi yang baru dilahirkan akan dibisikkan ke telinganya kalimah tersebut. Kalimah itu juga diajarkan kepada orang-orang yang hampir menghembuskan nafas terakhirnya dengan harapan ruhnya akan terselamat dalam perjalannya menghadapi Tuhan.

Menurut Archer (1937:8), kalimah itu diukirkan pada batuan nisan adalah sebagai satu peringatan yang berkekalan kepada ruh supaya mara terus ke hadapan sehingga sampai ke tempat yang cita-citakan iaitu disisi Tuhan. Schimmel (1975:167) pula percaya bahawa sentiasa mengingati Allah dengan melakukan zikir adalah satu cara ibadah yang khusus bagi orang-orang Sufi. Orang-orang Sufi percaya tidak sesiapa dapat mendampingi Allah tanpa sepanjang masa mengingatinya. Mengikut kepercayaan orang-orang Islam Timur Tengah pula hanya mereka yang melafazkan dua kalimah shahadah sahaja akan dikeluarkan dari api neraka (Smith & Haddad, 1981:81).

Ungkapan-ungkapan Bersajak atau Puisi

Selain dari petikan-petikan dari al-Quran dan dua kalimat shahadah saya dapati tulisan-tulisan lain yang diukir pada batu Aceh adalah terdiri ungkapan-ungkapan bersajak atau puisi.

Kandungan ungkapan-ungkapan tersebut saya tafsirkan sebagai 'puisi Sufi'. Dua dari ungkapan yang sering digunakan, masing-masing berbunyi:

1. الموت كأس وكل الناس شاربه
الموت باب وكل الناس داخله

maksudnya: Kematian adalah sebiji cawan darinya

semua manusia akan minum,

Kematian adalah sebuah pintu melaluinya

semua manusia akan masuk

2. انما الدنيا فنا ليس الدنيا ثبوت
الا انما الدنيا كبيت نسجته العنكبوت

maksudnya: Dunia ini mudah hancur dan tidak kekal

Dunia ini ibarat sarang yang disulami oleh

labah-labah.

Dari kajian yang kami buat kami dapati 6 buah batu nisan Aceh telah diukir dengan salah satu ataupun kedua-dua rangkap puisi yang tersebut diatas. Rangkap puisi yang pertama telah diukir pada batu nisan Raja Fatimah yang mangkat dalam tahun 1495 Masihi, Raja Jamil yang mangkat dalam tahun 1511 Masihi dan pada satu lagi batu nisan yang belum dapat dipastikan milik siapa di-Makam Nibong, kesemua batu-batu nisan itu terletak di Pekan, Pahang. Rangkap puisi yang kedua pula telah diukirkan pada batu nisan Sultan Mansor Shah, Melaka dan Raja Jamil di Pekan, Pahang. Ianya juga diukirkan pada batu nisan Sultan Malik al-Salleh di-Pasai.

Puisi-puisi itu membayangkan pandangan orang-orang Sufi mengenai dunia, kematian dan kehidupan selepas mati, khususnya mengenai rintangan-rintangan yang bakal mereka hadapi dalam perjalanan mereka menuju kepada Tuhan. Archer (1937:9) berpendapat bahawa salah satu ciri-ciri yang menarik mengenai orang-orang Sufi ialah kegemaran mereka menggunakan lambang-lambang (simbol), dalam gabungan ini ianya dalam bentuk kata-kata. Bagi mereka setiap kata itu disamping maknanya tersendiri, boleh juga mengandungi makna yang lain. Sikap ini, tambah Archer lagi, amat ketara dalam puisi orang-orang Sufi, yang kebanyakannya ditulis dengan makna.

Ungkapan Semacam Pantun/Seloka (Quatrain)

Kategori terakhir kandungan tulisan-tulisan yang terdapat pada batu Aceh ialah rangkapan yang menyerupai pantun tetapi bahasa yang digunakan ialah bahasa Arab. Pantun tersebut dapat dilihat pada batu nisan Marhum Berdarah Putih di Kompleks Makam Sultan Alauddin Riayat Shah, Kampung Raja, Pagoh, Muar, Johor. Tulisan itu berbunyi:

Abdul Hamid (1932:161) berpendapat dengan dua perkataan terakhir pada barisan kedua pantun itu bermulanya satu pantun yang terdapat dalam kitab Kesah 1001 Malam. (5) Pantun itu berbunyi:

maksudnya:
Kau diciptakan dari tanah Engkau pun hidup
Kau diajar kepetahan bercakap
Kau dikembalikan kepada tanah Engkau pun mati
Bagi kau sepanjang masa Engkau adalah tanah

Tema pantun ini adalah mistik. Seperti yang dinyatakan diatas tadi, bahawa kepada orang-orang Sufi keujudan manusia secara individu adalah tidak bebas kerana semua yang bernyawa bergantung keujudannya kepada Tuhan. Manusia datang dari Tuhan dan kepadanya semua manusia akan kembali (Syed Muhammad Naquib Al-Attas, 1963:20).

Perkataan-perkataan lain yang boleh diberi tafsiran sebagai mengandungi unsur-unsur Sufisme

Perkataan-perkataan lain yang terukir pada batu Aceh ialah nama dan jurai keturunan si mati, tarikh kematiannya dan juga kata-kata pujian kepada si mati. Ada diantara perkataan-perkataan itu yang berbau mistik ataupun sekurang-kurangnya boleh diberi tafsiran sebagai unsur Sufi.

Kehadiran pengaruh Sufi dalam sistem beraja di Semenanjung Malaysia ini dapat dikesan melalui penggunaan perkataan 'Sultan' dan 'Shah' di awal dan di akhir nama seseorang raja itu. Ianya menepati apa yang dikatakan oleh Milner (1983:43) sebagai pengertian pimpinan bercorak Parsi dan Sufi. Raja-raja Melayu itu bukan sahaja menggunakan nama 'Sultan' dan 'Shah' pada nama-nama mereka malahan mereka telah dianggap oleh rakyat jelata sebagai 'Bayangan Tuhan di muka bumi ini', 'Pelindung Dunia dan Agama' dan sebagainya. Perkataan 'Sultan' dan 'Shah' memang terpahat pada batu-batu nisan Sultan-sultan Muhammad Shah, Pahang, Sultan Mansor Shah, Melaka dan Sultan Alauddin Riayat Shah di Pagoh, Muar, Johor.

Selain daripada nama-nama Sultan yang mangkat itu dipahatkan pada batu-batu nisan mereka terdapat juga ayat-ayat yang bermaksud memuji sultan-sultan yang berkenaan. Intisari dari ayat-ayat itu adalah berkait dengan konsep manusia Sufi yang dikenali sebagai 'Manusia yang sempurna' atau Insan al-Kamil (Perfect man).

Konsep Insan al-Kamil ini telah mula-mula diperkenalkan ke dunia Islam oleh Ibn al-Arabi, seorang filosof Parsi yang telah meninggal dunia dalam tahun 1240 Masihi. Gagasan ini telah diperkembangkan pula oleh Abd. Karim al-Jili yang meninggal dunia dalam tahun 1428 Masihi. Beliaulah yang menekankan konsep Buddha/Kristian tentang keunggulan kejadian manusia dan perjalanan ruh yang mesti dialami oleh manusia, bermula dengan meninggalkan Tuhan untuk bermastautin di dunia dan seterusnya kembali kepada Tuhan. Perjalanan ini adalah amat menyulitkan dan kejayaan akan hanya diperolehi setelah menempuh beberapa siri rintangan sehinggalah hanya memperolehi pengetahuan yang menyedarkannya yang ia telah berjaya menghampiri Tuhan (Syed Al-Attas, 1963:20). Diantara perkataan-perkataan yang terukir pada batu nisan Sultan Mansor Shah 'Sultan yang adil dan bijaksana', sementara perkataan 'suci', 'yang di-restukan' dan 'murni' telah dipahatkan pada batu nisan Sultan Alauddin Riayat Shah yang mangkat dalam tahun 1488 Masihi di-Pagoh, Muar, Johor. Lantaran perkataan-perkataan itulah serta tindak-tanduk Sultan Alauddin yang mentadbiran negeri Melak dengan mencontohi cara-cara yang dilakukan oleh Khalifah Umar al-Khattab,

telah membuatkan Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1963:22) dengan tidak teragak-agak lagi menggelarkan Sultan tersebut sebagai 'seorang pengikut Sufi'.

Dari Sejarah Melayu pula kita mendapat tahu tentang minat Raja-raja Melayu terhadap konsep Sufi, khususnya yang menyangkut tentang Insan al-Kamil. Dikhabarkan yang Sultan Mansor Shah, Melaka 1456-1477) amat berminat sekali dalam bidang tasawuf dan baginda telah mengkaji kitab Durr Mandzum atau Dar'l Mazlum (Winstedt, 1938:127) yang ditulis oleh Maulana Abu Ishak. Kitab tersebut telah dibawa ke Melaka oleh anak murid Maulana Abu Ishak yang bernama Maulana Abu Bakar. Sejarah Melayu juga mencatatkan peristiwa berlakunya saling pertukaran pertanyaan-pertanyaan yang berkaitan dengan soal-soal agama dan mistik diantara Sultan Mansor Shah dengan pakar-pakar tiologi di Pasai (Milner, 1983:40). Apabila baginda mangkat dalam tahun 1477 Masihi, salah satu perkataan yang terukir pada nisan baginda ialah 'zawiah'. Perkataan 'zawiah' bererti tempat orang-orang Sufi menjalankan kegiatan-kegiatan ibadah (Rauf, 1964:83, 105, Schimmel, 1975:231).

Lantaran usianya serta cabaran alam teropika yang dialami oleh negara ini kebanyakan tulisan-tulisan yang terdapat pada batu-batu nisan Islam yang terawal ini telah mula pudar. Pemerhatian yang rapi dan membandingkannya dengan tulisan-tulisan yang masih utuh pada batu-batu nisan yang sejenis telah membolehkan analisis ini dibuat. Kesukaran yang dialami diperingkat awal kajian ini dibuat secara berbunga-bunga dan berbelit-belit.

Mungkin ianya telah diukir dengan niat untuk menjadikannya sebagai sebahagian daripada bentuk dekorasi selain daripada fungsi utamanya sebagai tulisan yang mengandungi makna dan mempunyai tujuan yang tertentu.

BAB 6

PENUTUP

Batu-batu bertulis atau bersurat seperti yang diuraikan dalam buku ini merupakan warisan sejarah dan budaya yang penting dalam tamadun Melayu-Islam dirantau ini. Padanya terangkum bukti-bukti sejarah yang sekali gus membuktikan ketinggian daya kreativiti masyarakat Melayu zaman silam.

Tulisan-tulisan yang terakam pada batu-batu, samada batu-batu tanda ataupun nisan merupakan satu-satunya bukti awal yang masih wujud berkaitan dengan kedatangan Islam ke rantau ini dan ianya merupakan rekaman terawal Bahasa Melayu yang mencakupi aspek-aspek perundangan, bahasa, puisi dan Sufisme.

Lantaran kepentingannya itulah dirasakan perlu contoh-contoh batu-batu bersurat itu dikekalkan. Tambahan pula mengingati bahawa kewujudan batu-batu itu dan juga tulisan-tulisan yang terdapat padanya kian terancam oleh keadaan alam persekitaran yang amat mencabar. Ini termasuklah kejahilan manusia sendiri yang kurang menyedari tentang pentingnya warisan itu dipelihara dalam usaha untuk mengekalkan kesinambungan budaya Melayu-Islam di rantau ini. Batu-batu itu tidak harus dibiarkan hilang begitu sahaja kerana kehilangannya tidak akan dapat dicari ganti lagi. Kehilangannya ~~itu~~ bermakna hilanglah juga bukti keunggulan Bahasa Melayu dan juga warisan budaya abadi pancaran tamadun Melayu-Islam dirantau ini.

Buku ini hanya mampu mengenengahkan dan merakamkan beberapa contoh-contoh batu bersurat yang penting dalam sejarah dan budaya di-rantau ini. Langkah-langkah segera walau berat mana sekalipun yang perlu dilakukan ialah membuat tiruan contoh-contoh batu-batu yang berkenaan, khususnya sebelum tulisan-tulisan yang terdapat padanya yang kini mulai pudar terus luput atau tidak boleh dibaca lagi. Batu-batu tiruan yang telah dikumpulkan itu boleh disimpan di-salah satu institusi sejarah atau budaya tanah air. Disamping mengekalkannya sebagai rekod ianya juga boleh menjadi sumber rujukan yang amat berguna untuk generasi para penyelidik yang akan datang.

Andainya kita mampu melakukan tugas-tugas tersebut, kita tentunya telah berjaya menyempurnakan satu amanah yang penting. Generasi-generasi kita yang akan datang pastinya akan berterima kasih kepada kita kerananya. Sebaliknya mereka akan mengutuk kita andainya amanah tersebut kita abaikan.

SINGKATAN

BEFEO	=	<u>Bulletin de l'Ecole Francaise d'Extreme-Orient.</u>
BKI	=	<u>Bijdragen Tot de Taal, Land-en Volkenkunde</u>
BMJ	=	<u>Brunei Museum Journal</u>
FMJ	=	<u>Federation Museums Journal.</u>
JFMSM	=	<u>Journal of the Federated Malay States Museum.</u>
JMBRAS	=	<u>Journal of the Malayan/Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.</u>
JSBRAS	=	<u>Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society.</u>
JSEAH	=	<u>Journal of the South-east Asian History.</u>
MHJ	=	<u>Malayan Historical Journal.</u>
MIH	=	<u>Malaysia in History.</u>
O.V.	=	<u>Oudheidkundig Verslag.</u>
ROC	=	<u>Rapporten van de Commissie in Nederlandsch - Indie voor Oudheidkundig Onderzoek op Java en Madoera.</u>
TBG	=	<u>Tijdschrift van het Bataviaasche Genootschap.</u>
VKI	=	<u>Verhandelingen van het Koninklijk Instituut voor de Taal, Land-en Volkenkunde.</u>

BIBLIOGRAFI

— padawan
— 500

ABDUL HAMID, ABDUL MAJID, ENSKU

- 1921 "Inscriptions on Ancient Johore Gragestones", JMBRAS,
vol. X, pt. III, pp. 159-167.

ABDUL LATIF HJ. IBRAHIM

- 1979a "Penemuan Batu Nisan Bertarikh 440 Hijrah (1048 Masehi)
di Brunei", Dewan Budaya, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan
Pustaka; October, pp. 6-9.
- 1979b "Penyelidikan Batu Nisan", Berita Muzium Brunei,
Julai-September, pp. 36-37.
- 1986 "Brunei Dalam Lintasan Sejarah Tamadun Melayu", kertas
kerja Persidangan Antarabangsa Mengenai Tamadun Melayu, 1986.

ABDUL SHUKOR, JERAGAN, Stia Bijaya Di Raja

- 1907 "List of Graveyards of the Late Sultans of the State of Perak",
JSBRAS, No. 48, pp. 97-106.

AL-ATTAS, SYED M.N.

- 1963 Some Aspects of Sufism as Understood and Practised Among the
Malays, Singapore: Malaysian Sociological Research Institute Ltd.
- 1968 The Origin of the Malay Sh'ir, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan
Pustaka.
- 1969 Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization
of the Malay-Indonesian Archipelago, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa
dan Pustaka.

- 1970a The Mysticism of Hamzah Fansuri, Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- 1970b The Correct Date of the Trengganu Inscription, Kuala Lumpur: Muzium Negara, Malaysia.
- 1972 Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

ALLAN, JAMES W.

- 1982 Islamic Metalwork: The Es-Said Collection, London: Sotheby.

AMBARY lihat HASSAN

ANDAYA, BARBARA WATSON & LEONARD Y.

- 1982 A History of Malaysia, London & Basingstoke: The Macmillan Press Ltd.

ANDAYA, BARBARA WATSON

- 1979 Perak, the Abode of Grace, A study of an Eighteenth Century Malay State, Kuala Lumpur: Exford University Press.

ANDAYA, LEONARD Y.

- 1975 The Kingdom of Johore, 1641-1721, Kuala Lumpur: Oxford University Press.

ANONYMOUS

- 1959 "The Grave Stone of Sultan Mansur Shah of Malacca", MIH, no. 5, pt. 1, pp. 36-37.

ANUM, ENSKU PENGIRAN

- 1961 "How the Trengganu Stone was Found", MH, vol. 1,
no. 1, pp.

ARCHER, R.L.

- 1937 "Muhammadan Mysticism in Sumatra", JMBRAS, vol. XV, pt.II,
pp. 1-126.

ARNOLD, T.W.

- 1932 The Old and New Testaments in Muslim Religious Art, London:
British Academy/Oxford University Press.
- 1965 The Preaching of Islam, Lahore.

ARNOLD, T.W. & GUILLAUME, A.

- 1931 The Legacy of Islam, Oxford: The Clarence Press.

AZIZ DERAMAN

- 1979 Islam Dalam Pengucapan Seni, Kuala Lumpur: Kementerian
Kebudayaan, Belia dan Sukan, Malaysia.

BAHARU AZIT

- 1977 "Benarkah Kubur Tun Teja di Merlimau?", Utusan Malaysia, 21
September.

BAMBOROUGH, PHILIP

- 1976 Treasures of Islam, Dorset: Blandford Press.

BARNES, L.D.

- 1911 "An Old Royal Cemetery at Pekan in Pahang", JMBRAS, no. 60,
pp. 35-36.

- "An Old Tombstone in Pahang", JMBRAS, no. 51, pp. 37-41.

BERITA MINGGU

- 1985 "Kubur Tok Bidan Diroboh Bagi Mengelakkan Amalan Syirik",
Berita Minggu, 6 Januari.

BODEN, KLOSS. C.

- 1921 "Notes on the Pengkalan Kempas Tombstone", JFMSM,
vol. XXIII, pp.

BOSCH, F.D.K.

- 1915 "De inscriptie op den grafsteen van het graven-complexe
genaam Teungkoë Peuet Ploh Peuet", OV, 3, pp. 129-130.
- 1960 The Golden Germ - An Introduction to Indian Symbolism,
S-Gravenhage: Mouten & Co.

BOUGAS, W.A.

- 1986 'Some Early Islamic Tombstones in ^Katani', JMBRAS, vol.LIX,
pt. 3, pp. 85-112.

BOUSFIELD, JOHN

- 1983 "Islamic Philosophy in South-east Asia", in Hooker, M.B.(ed),
1983, pp. 92-129.

BRAKEL, L.F.

- 1975 "State and Statecraft in 19th Century Aceh", in Reid, A.J.S.
at. al., Pre-Colonial State Systems in Southeast Asia,
Kuala Lumpur: Monograph of the MBRAS, no. 6, pp. 56-66.

BROWN, C.C. (trans)

- 1952 "Sejarah Melayu; or Malay Annals", JMBRAS, vol. XXV, pts. II-III, pp. 1-276.

BURCKHARDT, TITUS

- 1976 Art of Islam - Language and Meaning, London: World of Islam Festival Trust.

BUYONG BIN ADIL, HAJI

- 1971 "Pusat Kerajaan Johor Ditepi Sungai Johor", MIH, no. 14, pt. 1, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, pp. 14-23.
- 1972 Sejarah Pahang, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

CALLLENFELS, P.V. VAN STEIN

- 1927 "The Pengkalan Kempas 'Saint', JFMSM, vol. XII, 19, pp.

CAMMANN, S.V.R.

- 1976 'Religious Symbolism in Persian Art', History of Religions, vol. 15, no. 3, pp. 193-208.

CAMPBELL, J.

- 1974 The Mythic Image, Princeton, New Jersey: Princeton University Press.

CAREY, T.F.

- 1933 "Two Early Muslim Tombs at Brunei", JMBRAS, vol. XI, pt. II, pp. 7

CASPARIS, J.F. de

- 1980 "Ahmad Majanu's Tombstone at Pengkalan Kempas and Its Kawi Inscription", JMBRAS, vol. LIII, pt. 1 pp. 1-22.

COOMARASWAMY, ANANDA K.

- 1927 History of Indian and Indonesian Art, London: Edward Goldston.

CORTESAO, A. (ed & Trans)

- 1944 The Suma Oriental of Tome Pires, (2 vols), London: Hakluyt Society.

CHRITCHLOW, KEITH

- 1983 Islamic Patterns - An Analytical and Cosmological Approach, (Reprinted, first publised 1976), London: Thames and Hudson.

DAMAIS, LOUIS-CHARLES

- 1957 "Etudes Javanaises I. Les Tombes Musulmanes datees de Tralaya", BEFEO, XLVIII, 2, pp. 353-415.

- 1968 "L'epigraphie Musulmane dans le Sud-est Asiatique", BEFEO, LIV, pp. 562-604.

DAVIS, JOHN

- 1625 A briefe Relation of Master John Davis, chiefe pilot to the Zelanders in their East India Voyage, departing from Middleborough the fifteenth of March, Anno 1598, in Hakluytus Posthumus or Purchas His Pilgrimes, compiled Samuel, vol. II, Glasgow: Hakluyt Society, 1905.

DJAJADININGRAT, RADIN A.H.

- 1934 Atjehsch-Nederlandsch Woordenboek, Batavia: Landsdrukkerij.

- 1980 De Ceremonie van het "Poela batee" op het graf van Sultan Iskandar II van Atjeh (1636-1641), (Orig. pub. in TBS, 69, 1925, pp. 112-134.

DREWES, G.W.J.

- 1968 "New Light on the Coming of Islam to Indonesia", BKI, 124(4), pp. 433-459.

EVANS, I.H.N.

- 1921 "A Grave and Megaliths in Negeri Sembilan with an Account of some Excavations", JFMSM, vol. 23, pp. 155-173.
- 1926 "Result of an Expedition to Kedah", JFMSM, vol. 12, pt. 3, pp. 71-82.

FATIMI, S.Q.

- 1963 Islam Comes to Malaysia, Singapore: Malaysian Sociological

GARDNER, G.B.

- 1932 "Malay Forts at Sayong Pinang, Sungai Telor and Johore Lama on the Johore River", JMBRAS, vol. X, pt. III pp. 121-123.

GIBB, H.A.R.

- 1929 Ibn Battutah, Travels in Asia and Africa 1325-1354
(tr & Selected), London.

GIBB, H.A.R. and KRAMERS, J.H.

- 1953 Shorter Encyclopaedia of Islam, Leiden: E.J. Brill and
London: Luzac.

GRAAF, H.J. DE

- 1970 "South-East Asian Islam to the Eighteenth Century", in the
Cambridge History of Islam, vol. 2 (eds.) Holt, P.M. et.
at., Cambridge: Cambridge University Press.

GRAAFF, NICOLAUS DE

- 1930 Reisen van Nicolaus de Graaff na De vier gedeeltens des Werelds,
Linschoten-Vereeniging, XXXIII, 'S-Gravenhage: Martinus Nijhoff.
(First published in 1701 by Hoorn, Amsterdam).

GRABAR, OLEG

- 1976 Studies in Medieval Islamic Art, London: Variorum Reprints
1983 "Architecture and Art", in Hayes, J.R. (ed), 1983, pp.77-1

GRENVILLE, G.S.P.F.

- 1963 The Muslim and Christian Calender, London: Oxford University Press.

HALIM, N.A.

- 1978 "Makam Sultan yang Merajuk Dijumpai", Utusan Zaman, Kuala Lumpur, 19hb. Januari.
1981a "Batu Aceh di Brunei dan di Semenanjung Malaysia", Bahana, Brunei: Dewan Bahasa & Pustaka, April, pp. 23-24.
1981b Tempat-tempat Bersejarah di Negeri Perak, Kuala Lumpur: Muzium Negara, Malaysia.
1982a "Pengasas Kesultanan Johor", Warta Tebrau, Johor Baharu, 11hb Februari, pp. 14-15.
1982b "Aru Terlepas dari Aceh Tundok ke Empayar Johor", Warta Tebrau, Johor Bharu, 18hb Februari, p. 13.
1984 "Puisi di Nisan Aceh", Dewan Budaya, Disember, Kuala Lumpur Dewan Bahasa & Pustaka, pp.
1985 "Nisan Aceh Bertulis di Semenanjung Malaysia", PURBA, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.

HALL, D.G.E.

- 1976 A History of South-East Asia, (Third edition), London & Basingstoke: The Macmillan Press Ltd. (First published 1955)

HALL, KENNETH R

- 1981 "Trade and Statecraft in the Western Archipelago at the Dawn of the European Age", JMBRAS, vol. LIV, pt. 1, pp. 21-47.

HASAN MUARIF AMBARY

- 1984 "L'Art Funeraire Musulman En Indonesie Des Origines Au XIX Siecle", unpublished Ph.D. thesis, Ecole Des Hautes Etudes En Sciences Sociales, Paris, 1984.
- t.t. "Sejarah Perkembangan Islam di Indonesia" dalam Kebangkitan Islam Dalam Perbahasan, Indonesia: Yayasan Nurul Islam, p.p. ?

HASJMY, A. (ed).

- 1981 Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Nusantara, Medan: PT Almaarif.

HASTINGS, JAMES (ed.)

- 1908 Encyclopaedia of Religion and Ethics, vol. 8, Edinburgh: T. & T. Clard.

HAYES, J.R.

- 1983 The Genius of Arab Civilization - Source of Renaissance, (Second edition), USA and Canada: MIT Press.

HODGSON, M.G.S.

- 1964 "Islam and Image", History of Religions, no. 3, pp. 220-260.

HOOKER, M.B.

- 1978 A Concise Legal History of South-East Asia, Oxford:
The Clarendon Press.

HOOKER, M.B. (ed.)

- 1983 Islam in South-East Asia, Leiden: E.J. Brill.

HOUGH, G.G.

- 1940 "A Pre-Islamic Elements in the Malay Grave", JMBRAS, vol.
XVIII, pt. II, pp. 46-48.

HOURLANI, G.F.

- 1951 Arab Seafaring in the Indian Ocean in Ancient and Early
Medieval Times, Princeton New Jersey: Princeton University Press.

HUGHES, THOMAS PATRICK

- 1895 A Dictionary of Islam, London: W.H. Allen & Co.

HURGRONJE lihat SNOUCK

HUSSAIN BIN MAHMUD

- 1970 "The Ancient Kingdom of Bruas", MIH, vol. XIII, no.1, pp.2-4.

IBRAHIM ALFIAN, TEUKU

- 1973 "Puisi Dalam Nisan: Pertalian Antara Pasai-Melaka-Pahang",
MIH, vol. XVI, no. 2, December, pp. 34-36.

ISHAK MOHAMAD

- 1984 "Batu Nisan Muncul Dari Bumi Kejadian Aneh Di Makam
Siputeh", VARIASARI, Bil. 37, June, pp. 32-35, 113-116.

ISKANDAR, TEUKU (ed.)

- 1966 Bustanu's-Salatin oleh Nuruddin ar-Raniri, Bab II, Fasal 13, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

ISMAIL HAMID

- 1982a "Islamic Influence on Malay Culture in Malaysia and Indonesia", Islamic Culture, vol. LVII, no. 3, October, pp. 275-282.
- 1982b "A Survey of Theories on the Introduction of Islam in the Malay Archipelago", Islamic Studies, vol. XXI, no. 3, Autumn, pp. 89-100.

IRWIN, G.W.

- 1983 "Melaka Fort", in K.S. Sandhu & P. Wheatley (eds.) MELAKA - The Transformation of a Malay Capital c. 1400-1980, vol. 1, Kuala Lumpur: OUP, pp. 782-805.

ISRAR, C.

- 1957 Sejarah Kesenian Islam, Djakarta: P.T. Pembangunan.

JOHNS, A.H.

- 1957 "Malay Sufism as Illustrated in an Anonymous Collection of 17th Century Tracts", JMBRAS, vol. XXX, pt. 11, pp. 1-111.
- 1961a "Sufism as a Category in Indonesian Literature and History", JSEAH, vol. 2, no. 1, pp. 10-23.
- 1961b "The Role of Sufism in the Spread of Islam to Malaya and Indonesia", Journal of the Pakistan Historical Society, vol. IX, pt. 111, pp. 143-160.
- 1975 "Islam in Southeast Asia: Reflections and New Directions", Indonesia, no. 19, pp. 33-55.

JONES, RUSSELL

- 1971 The Encyclopaedia of Islam, s.v. "Indonesia", vol. III
(New edition), Leiden: E.J. Brill.
- 1984 "Malay Studies and the British: An Outline History to the
Early Twentieth Century", Archipel, No. 28, pp. 117-148.

KIEFER, T.M. & SATHER, C.

- 1970 "Gravemarkers and the Repression of Sexual Symbolism:
the Case of the Two Philippines-Borneo Moslem Societies",
BKI, 126 (1), pp. 75-90.

KREEMER, J.

- 1922 Atjeh Lagemeen Samenvattend Overzicht van Land en Volk van
&
1923 Atjeh en Onderhoorigheden, (2 vols), Leiden: E.J. Brill.

LAMB, ALISTAIR

- 1961 "Pengkalan Bujang; An Ancient Port in Kedah", MIH, vol. VII
no. 1, pp. 12-17.

LINEHAN, W.A.

- 1926 "Tomb-Stones of Muhammad Shah I of Pahang", JMBRAS, vol.
IV, pt. II, pp. 188-192.
- 1934 "Marhum Muda Pahang", JMBRAS, vol. XII, pt. XI, pp. 171-172.
- 1936 "A History of Pahang", JMBRAS, vol. XIV, pt. XI, pp. 1-256,
in MBRAS Reprint No. 2, Kuala Lumpur: Malaysian Branch,
Royal Asiatic Society.

LOEB, EDWIN M.

- 1935 Sumatra - Its History and People, With an Additional Chapter by Robert Heine-Geldern, (Reprinted 1972), Kuala Lumpur: Oxford University Press.

MAHMUD BIN MAT, DATO' SIR

- 1955 "Two Unidentified Muslim Graves at Kampung Permatang Pasir, Pekan District, Pahang", MHJ, vol. 2, no. 2, December 1955, pp. 137-140.

MAJUL, C.A

- 1964 "Theories of the Introduction and Expansion of Islam in Malaysia", Silliman Journal, vol. XI, no. 4, 4th qtr., October - September, pp. 335-398.

MANSOR TOBENG

- 1965 "Keramat Tok Tanjung Serban Hijau di Tanjung Ingggeris Kedah", Mastika, October, pp. 33-35.

MARRISON, G.E.

- 1951 "The Coming of Islam to the East Indies", JMBRAS, vol. XXIV, pt. 1, pp. 28-37.

MARSDEN, W.

- 1784 A History of Sumatra, (Second edition), London.

MATASSIM HAJI JIBAH

- 1980 Makam-makam dan Batu-batu Nisan disekitar Bandar Sri Begawan, Berita Muzium Brunei, Siri 1 & 2 April - June & Julai-September, pp. 51-58 & 47-52.

MATUSSIN HAJI OMAR

- 1982 "Batu Nisan Aceh di Brunei", Berita Muzium Brunei,
Jan - Mac.

MAXWELL, W.E.

- 1878 "A Malay Keramat", JSBRAS, no. 2, pp. 236-238.

MEGLIO, R.R. DI

- 1970 "Arab Trade with Indonesian and the Malay Peninsula from
the 8th to the 16th Century", in Richards, D.S. (ed.),
Islam and the Trade of Asia, Exford: Bruno Cassirer (Publishers)
Ltd.

MEILINK - ROELOFSZ, M.A.P.

- 1962 Asian Trade and European Influence in the Indonesian
Archipelago Between 1500 and About 1630, The Hague:
Martinus Nijhoff.

MILNER, A.C.

- 1982 Kerajaan: Malay Political Culture on the Eve of Colonial Rule,
Tucson: The University of Arizona Press, The Association
for Asian Studies Monograph No. XL.
- 1983 "Islam and the Muslim State", in Hooker, M.B. (ed.), 1983,
pp. 23-49.

MOHD. JAMIL AL-SUFRI

- 1977 "Islam in Brunei", BMJ, vol. 4, no. 1, pp.

MOHD. MOKHTAR B. SHAFII

- 1980 "Batu Nesan Kurun ke 5H/10M di Pekan, Pahang", in Tamadun Islam di Malaysia, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, pp. 13-28.

MOHD. SAID, HAJI

- 1981 Aceh Sepanjang Abad, Medan: Waspada

MOEHAMMAD HOESIN

- 1970 Adat Atjeh, Banda Aceh: Dinas Pendidikan dan Kebudayaan Propinsi Daerah Istimewa Atjeh.

MOORHEAD, FRANCIS JOSEPH

- 1957 History of Malaya and Her Neighbours, vol. 1, Kuala Lumpur: Longmans of Malaysia Ltd.

MOQUETTE, J.P.

- 1912 "De grafsteen te Pase en Grisse vergeleken met dergelijke monumenten uit Hindoeston", TBG, 54, pp. 536-548.
- 1913 "De eerste vorsten van Samoedra-Pase (Noord Sumatra)", ROC, pp. 1-12.
- 1914 "Verslag van mijn voorlopig onderzoek der Mohammed-aansche oudheden in Atjeh en Onderhoorigheden", OV, pp. 74-80,
- 1922 "The Grave Stone of Sultan Mansor Shah of Malacca (1458-1477) A.D.), JSBRAS, no. 85, pp. 1-3.

MOQUETTE, J.P. and DJAJADININGRAT, R.A.H.

- 1923 "Een Merkwaardig, ingewikkeld Raadsel op een Paseschen Grafsteen", OV, 3, pp. 97-98; 4, pp. 101-102.

MUHAMMAD HASSAN BIN DATO' KERANI MUHAMMAD ARSHAD

- 1968 Al Tarikh Salasilah Negeri Kedah, Kuala Lumpur:
Dewan Bahasa dan Pustaka, (orig, pub. 1928).

MUHAMMAD SALLEH BIN HAJI AWANG (MISBAHA), HAJI

- 1975 Trengganu Dari Bentuk Sejarah Hingga Tahun 1918,
Kuala Lumpur: Utusan Publication Distributor.

MUKERJEE, R.

- 1959, The Culture and Art of India, Liverpool, London,
Prescot: George Allen & Unwin Ltd.

MUJEEB, M.

- 1967 The Indian Muslims, London: George Allen & Unwin Ltd.

NICHOLSON, R.A.

- 1914 The Mystics of Islam, London: G.Bell & Sons Ltd.
1980 Studies in Islamic Mysticism, (Reprinted, first published

OMAR BIN AWANG

- 1980 "The Trengganu Inscription As The Earliest Known
Evidence of the Finalisation of the Jawi Alphabet",
FMJ (New Series), vol. 25, pp. 43-59.

RYAN, N.J.

- 1955 "Some Reasons for the Siting of the Royal Tombs of
Perak", MHJ, vol. 2, no. 2, pp. 115-121.

SADKA, EMILY

- 1954 "The Journal of Sir Hugh Low, Perak, 1877", JMBRAS,
vol. XXVII, pt. IV, pp. 1-108.

OTHMAN MOHD. YATIM

- 1976 "Ancient Gravestones in Peninsular Malaysia - A Brief Survey", FMJ, (New Series), vo. 21, pp. 1-24.
- 1982 "Ancient Gravestones - Unique Islamic Mortuary Art in Malaysia", Arts of Asia, September-October, pp.79-86.
- 1986 "Beruas. Tempat Pertama didatangi Islam di Tanah Melayu", Mastika, Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) Berhad, pp.
- 1987 "Beruas: Satu Rekonstruksi Sejarah", Gema Perak, Bil. 1, Jilid 2, pp. 6-17.
- 1987 Batu Aceh: Early Islamic Gravestones in Peninsular Malaysia, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia

PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA

- 1967 MIH, vol. II, nos. 1-2, issue "Malaysia in Picture", Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 1970 "Telok Bakong - Remembering History in Perak", MIH, vol. 13, no. 1, pp. 9-11.
- 1971 "A Memorial Stone at Burial Ground of Bendahara Abdul Majid Tun Habib and other Notables at Kota Tinggi", MIH, vol. 14, no. 1, pp. 39-41.
- 1974 Tempat-tempat Bersejarah di Semenanjung Malaysia (Historical Sites in Peninsular Malaysia), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

PURCHAS, SAMUEL (Comp).

- 1905 Hakluytus Posthumus or Purchas His Pilgrimes, vol. II, Glasgow: Hakluyt Society.

SANDHU, K.S. & WHEATLEY, P. (eds.)

- 1983 Melaka - The Transformation of a Malay Capital c. 1400-1980,
(2 vols.), Kuala Lumpur: Oxford University Press.

SARANGANI, DATUMANONG DI A.

- 1974 "Islamic Penetration in Mindanao and Sulu", Mindanao Journal,
vol. 1, no. 1, (July-September), pp. 49-73:

SCHIMMEL, ANNEMARIE

- 1975 Mystical Dimensions of Islam, Chapel Hill: The University
of North Carolina Press.

SHAHAROM HUSAIN

- 1981 "Makam Sultan Melaka di Paguh, Muar, Johor", Journal
Sejarah Melaka, pp. 1-4.

SHARMA, A.

- 1979 "The Interpretation of a Sankrit inscription in the Ancient
Brunei Script", JMBRAS, vol. LII, pt. pp. 99-107.

SHELLABEAR, W.G. (trans.)

- 1978 Sejarah Melayu or the Malay Annals, (Ejaan baru, Third
edition, 4th reprint), Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti
Sdn. Bhd.

SIRCOM, H.S.

- 1920 "Keramat in Lower Pahang", JFMSM, vol. IX, pt. II, p.153.

SKEAT, W.W.

- 1900 Malay Magic, London: Macmillan & Company Ltd.

SNOUCK HURGRONJE, C.

- 1906 The Acehnese, (2 vols.), Leiden: E.J. Brill, London: Luzac & Co.

RAFFLES, T.S.

- 1835 Memoir, (2 vols.) edited by Sophia Raffles, London:
James Duncan.

RAUF, M.A.

- 1964 A Brief History of Islam, Kuala Lumpur: Oxford University
Press.

RICE, DAVID TALBOT

- 1979 Islamic Art, London: Thames and Hudson.

SOEKMONO, R. Drs.

- 1973 Pengantar Sejarah Kebudayaan Indonesia, Jilid 3,
Jakarta: Yayasan Kanasius.

STUTTERHEIM, W.F.

- 1936 "A Malay Shair in Old-Sumatran Characters of 1380 AD,
Acta Orientalis, vol. XIV, pp. 268-279.

SZANTON, D.L.

- 1963 "Art in Sulu: A Survey" in Frank Lynch (ed.), Sulu's
People and Their Art, Queson City: Ateneo de Manila
University.
- 1973 "Art in Sulu: A Survey", Sulu Studies, no. 2, pp. 3-69.

TAPLOO, RITA

- 1977 "Octagon in Islamic Tombs - A Structural Exigency or a
Metaphysical Symbolism", Islamic Culture, vol. LI,
No. 2, Vol. LII, no. 1, April, pp. 141-149.

TIBBETTS, G.R.

- 1957 "Early Muslim Traders in South-East Asia", JMBRAS,
vol. XXX, pt. 1, no. 177, pp. 1-45.

TJANDRASASMITA, UKA

- 1975 Islamic Antiquity of Sendang Duwur, Jakarta:
The Archaeological Foundation.
- 1976 "Riwayat Penyelidikan Kepurbakalaan Islam di Indonesia",
50 Tahun Lembaga Purbakala dan Peninggalan Nasional,
Jakarta: Pusat Penelitian Purbakala dan Peninggalan Nasional.
- 1985 The Arrival and Expansion of Islam in Indonesia and Relating
to South-east Asia, Jakarta: Masagung Foundation.

VAN RONKEL, PH. S.

- 1920 "Grafmonumenten op het Maleische Schiereiland in een out
Maleisch werk vermeld," BKI, 76, pp. 162-171.

WAKE, C.H.

- 1964 "Malacca's Early Kings and the Reception of Islam", JSEAH,
vol. 5, no. 2, pp. 104-128.
- 1983 "Melaka in the Fifteenth Century: Malay Historical Traditions
the Politics of Islamization", in K.S. Sandhu and P. Wheatley
(eds.), MELAKA - The Transformation of a Malay Capital c.
1400-1980, vo. 1, Kuala Lumpur: Oxford University Press,
pp. 128-161.

WANG GUNGWU

- 1958 "The Nan-hai Trade: A Study of the Early History of Chinese Trade in the South China Sea", JMBRAS, vol. XXXI, pt. 2, pp. 1-135.

WHEATLEY, PAUL

- 1961 The Golden Khersonese Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

WILKINSON, R.J.

- 1920 The Incident of Malay Life, Papers on Malay Subjects: Life and Customs, pt. 1, (Second edition, revised), Singapore: Kelly and Walsh.
- 1932 "The Early Sultans of Pahang", JMBRAS, vol. X, pt. 1, pp. 45-54.
- 1955 A Malay-English Dictionary (Romanised), 2 vols., London: Macmillan & Co. Ltd.
- 1957 "Papers on Malay Customs and Belief", JMBRAS, vol. XXX, pt. IV, pp. 1-87 (orig. pub. 1906).
- 1971 A history of the Peninsular Malays, Papers on Malay Subjects, selected and introduced by P.L. Burns, Kuala Lumpur: Oxford University Press. (Orig. pub. 1923).

WINSTEDT, R.O.

- 1918 "The Tomb of Mansur Shah, Sultan of Malacca, 1459-1475 A.D.", JSBRAS, no. 78, pp. 47-48.
- 1920 "Early Muhammadan Missionaries", JSBRAS, no. 81, pp. 5-6
- 1924 "Keramat: Sacred Places & Persons in Malaya", JMBRAS, vol. II, pt. III, pp. 264-279.
- 1932a "Muslim Tombstones in Raffles Museum", JMBRAS, vol. X pt. 1, pp. 6-8.

- 1932b "The Early Rulers of Perak, Pahang and Aceh", JMBRAS,
vol. X, pt. 1, pp. 32-44.
- 1932c "A history of Johore", JMBRAS, vol. X, pt. III, pp. 1-158.
- 1938 "The Malay Annals or Sejarah Melayu. The Earliest Recension
from Ms. No. 18 of the Raffles Collection in the Library of
the Royal Asiatic Society, London", JMBRAS, vol. XVI, pt.
III, pp. 1-226.

WINSTEDT, R.O. and WILKINSON, R.J.

- 1974 A History of Perak (1st published 1934), in series MBRAS
Reprints, no. 3, with Three Articles by W.E. Maxwell,
(previously published in vols. 2, 9, 12 of the JSBRAS, 1878,
1882, 1883), Kuala Lumpur: Malaysian Branch, Royal Asiatic
Society.

WOLTERS, O.W.

- 1970 The Fall of Srivijaya in Malay History, Lund Humphries,
London: Asia Major Library.

YUSUF ALI, A.

- 1946 The Holy Qur'an - Text, Translation and Commentary, Doha:
Qatar National Printing Press.

ZAINUDDIN, H.M.

- 1961 Tarich Atjeh dan Nusantara, Tjetakan 1, Medan.

ZAINUL-ABIDIN BIN AHMAD

- 1922 "The Garve-Stone of Sultan Mansur Shah of Malacca",
JSBRAS, no. 86, pp. 386-388.

ZAKARIA AHMAD

- (t.t.) Sekitar Kerajaan Atjeh Dalam Tahun 1520-1675,
Medan: Penerbit Monora.

ZAKARIA HITAM

- 1966 "The Legend of Batu Burong, Pahang", FMJ (New Series),
vol. XI, pp. 47-51.
- 1982 "Kubor Zaman di Permatang Pasir, Mukim Pekan, Pahang",
Pahang Dalam Sejarah, Bil. 1, Pekan: Muzium Sultan
Abu Bakar/Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri
Pahang, pp. 8-24.
- 1987 "Kubur Zaman di Pengkalan Ubah", Pahang Dalam Sejarah,
Bil. 2, Pekan: Lembaga Muzium Negeri Pahang.